

**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA
NEGERI PULAU PINANG 2005**

**CADANGAN PEMASANGAN STESYEN PEMANCAR CELCOM DI MENARA MASJID
TENGAH , JALAN BERAPIT, BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH**

Keputusan :

Mesyuarat memutuskan berdasarkan persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh pemohon adalah seperti berikut :

- i. Hukum pemasangan antena pemancar atau stesyen pemancar telekomunikasi adalah harus.
- ii. Hukum menerima wang sewaanpemasangan stesyen pemancar telekomunikasi adalah harus.
- iii. Mengenai harta wakaf sekiranya hendak dimajukan aatau dibangunkan adalah perlu mendapat persetujuan MAINPP sahaja (pihak yang memegang amanah). Berdasar butiran-butiran yang dinyatakan, pihak qaryah perlu mendapat persetujuan MAINPP sahaja iaitu pihak yang memegang amanah.

(MAC 2005)

**PERMOHONAN UNTUK MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT SEMENTARA DI SURAU KEM
SYURUZ SBERANG PERAI TENGAH, BUKIT MERTAJAM**

Keputusan :

1. Mesyuarat mengambil maklum berhubung permohonan tersebut dengan meneliti dari setiap aspek.
2. Mesyuarat memutuskan bahawa permohonan tersebut tidak dapat dipertimbangkan, berdasarkan kepada alasan yang dinyatakan amat lemah. Oleh yang demikian, mesyuarat memutuskan bahawa permohonan ini tidak dapat dipertimbangkan.

(MAC 2005)

PERMOHONAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA BANGGUNAN TAMBAHAN MASJID SUNGAI BURUNG, BALIK PULAU, PULAU PINANG

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju membenarkan kerja-kerja meroboh Balai Lintang dan membina semula bangunan tambahan sebagaimana yang dinyatakan dan mengambil perhatian semua pihak qaryah dapat menentukan sama ada tempat tersebut adakah termasuk sebagai masjid atau tidak, manakala perlupusan bahan-bahan lama binaan Balai Lintang tersebut perlu mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Syariah sebelum ini.

(MAC 2005)

CADANGAN PENETAPAN KADAR ZAKAT TANAMAN (PADI)

Keputusan :

Mesyuarat mendapati bahawa Tanah Wkaf Lot 121 Mukim 7, SPU tersebut adalah tanah wakaf Khas (untuk tanah perkuburan) dan bukan untuk tujuan lain. Oleh yang demikian, permohonan tersebut adalah tidak dapat dipertimbangkan.

- i. Mesyuarat mendapati bahawa Tanah Wkaf Lot 121 Mukim 7, SPU tersebut adalah tanah wakaf Khas (untuk tanah perkuburan) dan bukan untuk tujuan lain. Oleh yang demikian, permohonan tersebut adalah tidak dapat dipertimbangkan.
- ii. Untuk mengatasi permasalahan tadika tersebut, maka mesyuarat mengesyorkan supaya bangunan surau yang sedia ada tersebut perlu dibaikipulih atau dibangunkan semula demi keperluan setempat.
- iii. Mesyuarat mengambil perhatian bahawa Tanah 121 tersebut hendaklah dipagar dan aktiviti permainan bola ditempat tersebut hendaklah diberhentikan dan perkara tersebut dibuat kajian dengan mengenalpasti kawasan yang ada kubur di dalam Tanah 121.

(MAC 2005)

CADANGAN MENGGUNA PAKAI TANAH-TANAH DAN BANGUNAN “RESERVE” SURAU / MASJID UNTUK LAIN-LAIN KEGUNAAN

Keputusan :

- 1 Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti secara terperinci mengenai butiran yang dinyatakan.
- 2 Mesyuarat memutuskan mengenai perkara tersebut seperti berikut :
 - i. Tanah – tanah “Reserve” surau boleh digunapakai untuk perkara-perkara lain, dengan syarat (Tidak bercanggah dengan hukum Syarak)
 - ii. Bagi bangunan surau yang ada dan tidak digunakan, maka hendaklah diimarahkan.

(MAC 2005)

MOHON PENJELASAN MENGENAI ISU WANITA YANG DALAM KEADAAN HAID, HADIR MENDENGAR CERAMAH AGAMA DALAM MASJID ATAU DI BALAI LINTANG

Keputusan:

Mesyuarat memutuskan berdasarkan fakta-fakta yang dinyatakan, permasalahan dan keperluan yang dikemukakan oleh pemohon keputusannya adalah seperti berikut :

- i. Rayuan tersebut diterima dan akan dikemukakan kepada pihak MAINPP.
- ii. Jika Majlis Agama Islam Pulau Pinang meluluskannya, maka solat Jumaat hendaklah diadakan setiap Jumaat, walaupun semasa cuti sekolah.

(APRIL 2005)

BAYARAN BALIK BAKI WANG PINJAMAN BERJUMLAH RM: 5, 310, 017.36 KEPADA JKP SDN. BHD MENGGUNAKAN PERUNTUKAN DARIPADA AKAUN TAWAQQUF

Keputusan :

Mesyuarat telah meneliti dengan terperinci mengenai permohonan tersebut. Sama ada dari segi hukum, kemaslahatan dan kepentingan ummah dengan membahaskan dengan teliti dari segenap aspek.

- i. Tawaqquf membeli harta tersebut dengan nilai RM5,310,017.36
Jika Majlis Agama Islam Pulau Pinang memerlukan semula tanah tersebut, maka hendak ia membeli balik dengan cara ;

- a. Membeli dengan kadar harga yang memberi manfaat atau keuntungan kepada Tabung Tawaqquf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
- b. Menyerahkan sejumlah tanah yang setaraf dengan nilai jumlah harga pada (a).

(APRIL 2005)

CADANGAN MENGGUNAKAN WANG TAWAQQUF BAGI PEMBELIAN TANAH LOT 3800 DAN 3801 MK.12 SPU UNTUK DIJADIKAN SEBAGAI ASET WAKAF MELALUI SUMBER DAN DANA WAKAF

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju mencadangkan dan memutuskan perkara tersebut seperti berikut:

- i. Pihak MAINPP melalui Tabung Tawaqquf membeli tanah tersebut dengankadar RM 1,173,307,479 berdasarkan nilai RM8.50 sekaki persegi atau jika boleh atas kadar nilai RM8.00 sekaki persegi.
- ii. Pihak Tawaqquf hendaklah menjual semula tanah tersebut kepada orang ramai bagi tujuan wakaf mengikut kaki persegi atau yang bersesuaian.

(APRIL 2005)

PERMOHONAN UNTUK MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA BANGUNAN DUA TINGKAT MASJID JAMEK TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan :

Mesyuarat memutuskan perkara tersebut seperti berikut :

- i. Meluluskan permohonan tersebut seperti dengan syarat pihak AJK Pembangunan memastikan bahawa peruntukan yang diperlukan mencukupi dan ;
- ii. Sebelum pembangunan dimulakan, pihak berkenaan hendaklah terlebih dahulu mengemukakan pelan cadangan pembangunan masjid tersebut terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Syariah untuk memastikan mematuhi keperluan mengikut kaedah hukum syarak.

(APRIL 2005)

CADANGAN MEMINDAHKAN TANAH KUBUR (DUA KUBUR) YANG TERLETAK DI ATAS LOT NO. 322 MK.G KG.TERANG, BALIK PULAU, PULAU PINANG

Keputusan :

Mesyuarat memutuskan bahawa permohonan tersebut diluluskan dengan tanggungan sendiri oleh pihak pemohon.

(APRIL 2005)

CADANGAN UNTUK MENUBUHKAN QARYAH BARU, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

Keputusan :

Mesyuarat memutuskan seperti berikut :

i. Mesyuarat bersetuju dan meluluskan permohonan tersebut untuk mewujudkan satu Qaryah baru di Daerah Timur Laut, iaitu garisan yang ke 32 mengikut persempadanan yang dinyatakan.

ii. Bagi tujuan pembangunan masjid, pihak Pegawai Tadbir Agama Daerah berkenaan hendaklah mengemukakan pelan terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Syariah untuk tujuan memastikan ianya tidak bercanggah dengan kehendak hukum syarak.

(APRIL 2005)

PERMOHONAN UNTUK MENDIRIKAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT DI ATAS TANAH WAKAF LOT 1323, MUKIM 14, SEBERANG PERAI TENGAH

Keputusan :

Mesyuarat memutuskan berdasarkan fakta-fakta yang dinyatakan oleh pemohon adalah seperti berikut :

- i. Tanah wakaf tersebut dinyatakan wakaf khas untuk Masjid dan tanah perkuburan, oleh itu ianya tidak boleh digunakan untuk tujuan lain.
- ii. Mesyuarat memutuskan berdasarkan keperluan, maka dicadangkan supaya Ruang Balai Lintang dan persekitaran ruang tambahan yang dijadikan kelas KAFA di masjid berkenaan di buat pembesaran yang sesuai untuk dijadikan kelas KAFA sementara dan juga sesuai untuk tempat tambahan ruang sembahyang.

(JUN 2005)

AMALAN SEMBAHYANG TERAWIH EMPAT RAKAT SATU SALAM

Keputusan :

Mesyuarat telah memutuskan seperti berikut :

- I. bahawa amalan tersebut adalah tidak sah mengikut mazhab As-Syafie.
- ii. Satu tindakan khidmat nasihat terhadap para pegawai masjid dan jawatankuasa qariah yang terlibat perlu dilakukan.

(JUN 2005)

RAYUAN PENGECUALIAN PEMBINAAN SURAU SECARA FIZIKAL DAN PENYERAHAN TAPAK SURAU BAGI SKIM PERUMAHAN LOT 1091 DAN 1085, MK.6, SEBERANG PERAI UTARA, UNTUK TETUAN SRI INDERA MANAGEMENT & BUILDERS SDN.BHD

Keputusan :

Mesyuarat memutuskan berdasarkan fakta-fakta yang dinyatakan adalah seperti berikut :

- i. Rayuan tersebut tidak dapat dipertimbangkan dan akan dikemukakan kepada pihak MAINPP.
- ii. Mesyuarat mencadangkan seperti berikut :
 - a. Tanah hendaklah diserahkan kepada MAINPP dan memberi wang kepadanya berdasarkan nilai pembangunan semasa yang munasabah atau ;
 - b. Membayar sumbangan kepada MAINPP atas kadar nilaikan semula (semasa) atas tanah seluas 4520kps dan kos pembangunan surau.
 - c. Mesyuarat tidak bersetuju pemaju hanya memberi sumbangan kepada MAINPP atas kadar RM60,000.00.

(OGOS 2005)

RAYUAN PENGECUALIAN PEMBINAAN SURAU SECARA FIZIKAL DAN PENGURANGAN KADAR SUMBANGAN KEPADA MAINPP ATAS KOS PEMBANGUNAN SURAU DARI RM 42,00.00

Keputusan :

Mesyuarat memutuskan bahawa perbezaan yang dipohon antara cadangan MAINPP sebanyak RM 74,520.00 kepada RM42,000.00 kurang munasabah untuk pembinaan-pembinaan sebuah surau. oleh itu mesyuarat mencadangkan sebanyak rm67,068.00. berdasarkan kurang 10% dari kadar asal yang dicadangkan oleh MAINPP.

(OGOS 2005)

PEMBENTANGAN SEMULA CADANGAN PENYEDIAAN MASJID DAN SURAU, BATU KAWAN, MK. 13, DAERAH SPS OLEH PDC

Keputusan :

Mesyuarat memutuskan seperti berikut :

- i. Mesyuarat bersetuju menerima cadangan yang dikemukakan. keseluruhannya akan mempunyai pertambahan tiga buah masjid dan sebuah masjid bandar.
- ii. Walau bagaimanapun, untuk perlaksanaanya hendaklah mematuhi kehendak undang-undang yang telah diperuntukkan di bawah bidangkuasa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

(OGOS 2005)

MEMOHON KEBENARAN MELAKSANAKAN SOLAT JUMAAT SI QARYAH MASJID BARU SUNGAI BAKAP DAN MASJID SUNGAI BAKAP, SEBERANG PERAI SELATAN

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju memutuskan perkara tersebut seperti berikut :

- i. Mesyuarat bersetuju menerima cadangan Solat Jumaat berasingan. Perlaksanaannya bergantung kepada keputusan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
- ii. Mesyuarat mencadangkan menerima penetapan persempadanan antara dua qaryah berkenaan dengan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang .

(OGOS 2005)

PENJADUALAN SOLAT JUMAAT OLEH HIGH ACE INDUSTRIES SDN. BHD

Keputusan :

Mesyuarat memutuskan perkara tersebut seperti berikut :

- i. Supaya semua pekerja muslim (Lelaki) diberi kelonggaran untuk menunaikan solat Jumaat pada setiap minggu .
- ii. Jika perlu , masa tersebut diganti atau ;
- iii. Jika keadaan memerlukan hendaklah diganti sementara dengan tenaga bukan muslim .
- iv. MAINPP hendaklah mengeluarkan pekeliling mengenai perkara tersebut .

(OGOS 2005)

RAYUAN PEMBAYARAN SUMBANGAN DARIPADA RM 54 , 120. 00 KEPADA RM 10,000.00 OLEH PEMAJU KOTA WIRAINDAH SDN . BHD. BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN 9 UNIT RUMAH TERES ATAS LOT 738 DAN 44 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT DAN 16 UNIT RUMAH PANFSA DI ATAS LOT 243

Keputusan :

Mesyuarat memutuskan seperti berikut :

Mesyuarat memutuskan menolak rayuan tersebut dan mengekalkan atas kadar yang asal RM 54 , 120.00

(OGOS 2005)

HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA NEGERI PULAU PINANG 2006

CADANGAN PEBESARAN SEMPADAN QARYAH LAHAR TEMBUN, SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan :

Ahli mesyuarat telah diberi taklimat oleh Tuan Haji Mohd Nor Hussin Wakil PTA Kepala Batas mengenai cadangan pembesaran sempadan Qaryah Lahar Tembun, SPU.

Mesyuarat telah memutuskan seperti berikut :

- i. Mesyuarat meluluskan cadangan pembesaran Qaryah Lahar Tembun, Seberang Perai Utara.
- ii. Pegawai Tadbir Agama Kepala Batas diminta menyedia dan melengkapkan pelan sempadan qaryah yang sedia ada dan pelan yang dicadangkan.
- iii. Pegawai Tadbir Agama juga diminta supaya mengenalpasti garis sempadan yang hendak dipakai mestilah sesuatu yang tidak berubah seperti jalanraya, parit atau tali air, sungai dan lain-lain.
- iv. Beberapa orang Ahli Jawatankuasa Fatwa yang diketuai oleh S.S Dato' Mufti akan melawat qaryah berkenaan bagi mengesahkan persempadanan tersebut.

(APRIL 2006)

CADANGAN PEMBINAAN MAKAM DI MASJID NEGERI

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju memutuskan cadangan itu seperti berikut :

- i. Oleh kerana Kerajaan Negeri telah memutuskan kawasan letak kereta Masjid Negeri, Pulau Pinang sebagai Tanah Perkuburan T.Y..T, maka mesyuarat bersetuju perkuburan itu dibina dengan mengikut lukisan/rajah **Alternatif 2** dengan beberapa pengubahsuaian.
- ii. Mesyuarat juga bersetuju dengan cadangan untuk membina 12 perkuburan dikawasan tersebut dan jarak di antara sebuah kubur dengan kubur lain hendaklah 3kaki dan perkuburan itu hendaklah seragam dan tidak berbumbung. Manakala ketinggian perkuburan itu dari permukaan tanah hendaklah tidak melebihi 1 kaki.
- iii. Mesyuarat juga mencadangkan supaya tanah kawasan tanah perkuburan itu

hendaklah ditambun dengan tanah kadar ketinggian yang bersesuaian bagi mengelakkan daripada banjir.

- iv. Mesyuarat juga bersetuju supaya tanah perkuburan itu dipagar. Namun begitu, pembinaan pagar itu hendaklah bersesuaian dengan kedudukannya sebagai tanah perkuburan (tidak nampak mewah).
- v. Mesuarat mencadangkan supaya pemakaian nama Makam Negeri.

(APRIL 2006)

CADANGAN PERLAKSANAAN PEMERIKSAAN KESIHATAN KEPADA BAKAL PENGANTIN DI NEGERI PULAU PINANG

Keputusan :

Ahli mesyuarat telah diberi taklimat mengenai cadangan pelaksanaan pemeriksaan kesihatan kepada bakal pengantin di Negeri Pulau Pinang oleh Ustaz Faizal Bin Ibrahim, Penolong Penagarah, Bahagian Undang-undang Syariah, JAIPP.

Mesyuarat telah memutuskan cadangan tersebut seperti berikut :

- i. Mesyuarat bersetuju supaya pemeriksaan kesihatan kepada bakal pengantin di Negeri Pulau Pinang dilaksanakan.
- ii. Mesyuarat juga bersetuju jika sekiranya seorang bakal pengantin itu didapati mempunyai kes HIV/AIDS positif, maka pihak tersebut hendaklah diberi kaunseling dan terpulanglah kepada waris yang terlibat samada untuk meneruskan atau pun tidak perkahwinan tersebut.
- iii. Mesyuarat mengkategorikan keputusan pemeriksaan kesihatan itu sebagai sulit.

(APRIL 2006)

PERMOHONAN MEWAKAFKAN TANAH ATAS LOT 624, SEKSYEN 2 GEORGETOWN, DTL OLEH PUAN HASMAH BINTI BAKAR

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju memutuskan permohonan tersebut seperti berikut:

Bahagian Wakaf MAINPP adalah dipohon supaya mendapatkan maklumat lengkap berkenaan status Encik Osman Bin Kastawi, samada beliau salah seorang waris yang berhak ke atas Tanah Lot 624, Seksyen 2 Georgetown.

(APRIL 2006)

STATUS TAPAK PERKUBURAN ISLAM DI TAPAK KUIL HINDU AYIRA VAISAR MERCHANTS ATAS LOT 1875 & 1876, SEK. 2 GEORGETOWN, DTL

Keputusan:

Mesyuarat telah memutuskan status tapak perkuburan Islam di Tapak Kuil Hindu Ayira Vaisar Merchants atas Lot 1875 & 1876, Sek 2 Georgetown, DTL adalah seperti berikut:-

1. Dalam penyiasatan yang dibuat oleh Bhg. Wakaf MAINPP, tidak ada bukti dan kesan yang menunjukkan Lot 1875 & 1876 milik orang Islam.
2. Oleh sebab itu, mesyuarat mengambil keputusan bahawa perkuburan tersebut hendaklah dipindahkan ke Tanah Perkuburan Islam yang lain.
3. Mesyuarat mencadangkan supaya kos perpindahan itu ditanggung oleh pihak kuil tersebut.

(APRIL 2006)

STATUS PEMILIKAN FAEDAH ATAS TANAH WAKAF LOT 717, MUKIM 16, SPU

Keputusan:

Mesyuarat telah memutuskan status Lot 717, Mukim 16 SPU adalah seperti berikut:-

1. Untuk urusan pentadbiran Tanah Wakaf, MAINPP boleh mengambil peruntukan dari hasil Tanah Wakaf itu untuk tujuan tersebut.
2. Faedah keatas Tanah Lot 717, Mukim 16 SPU, hendaklah ditentukan berdasarkan kepada kedudukan haraki ahli keluarga berkenaan, kerana wakaf tersebut sebagai "wakaf ahli".

(APRIL 2006)

ISU HUKUM AMALAN DUDUK DI ATAS KUBUR

Keputusan:

Mesyuarat telah memutuskan isu hokum duduk diatas kubur adalah seperti berikut:-

1. Mesyuarat memutuskan bahawa amalan duduk di atas kubur adalah diharuskan iaitu kawasan tepi kubur yang tidak ada mayat dibawahnya.
2. Mesyuarat juga memutuskan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud:- Dari Abu Hurairah r.a. katanya, Rasulullah bersabda "Jika kamu duduk di atas bara api, lalu terbakar baju dan kulitmu,itu adalah lebih baik

bagimu daripada duduk di atas kubur.” Hadis ini bermaksud, melarang umat Islam membuat sesuatu perkara yang tidak baik di atas kubur seperti membuang najis dan sebagainya, Rujukan di dalam kitab (l’annah thalibin) m/s 121: haram duduk di atas kubur adalah bermaksud membuang najis di atasnya. Juga diterangkan di dalam riwayat Ibn Wahbin dalam musnadnya yang dimaksudkan dengan duduk di atas kubur ialah membuang air kecil atau besar.

3. Dalil dan hujah yang mengharuskan duduk di atas kubur (tepi kubur yang tidak ada mayat di bawahnya) seperti berikut:

Dalil dari Hadis-hadis Rasulullah s.a.w:

حدثنا عبد الله بن محمد حد ثنا أبو عمار حدثنا فليح بن سليمان عن بلال بن علي عن أنس بن مالك رضي الله عنه قال (شهدنا بنتا لرسول الله صلى الله عليه وسلم قل ورسول الله صلى الله عليه وسلم جالس على القبر قال فرأيت عينيه تدمعان قال فقال: هل منكم رجل لم يقارف..... الليلة؟ فقال أبو طلحة: أنا. قال : فانزل. قال فترل في قبرها

(فتح الباري, الجزء الثالث, داو الفكر, ص 151)

Maksudnya: Kami hadir di pengkebumian anak perempuan Rasulullah s.a.w. Baginda duduk di atas kubur dan aku melihat air matanya berlinang sambil bersabda: adakah di antara kamu yang tidak jima' (melakukan persetubuhan) malam tadi? Abu Talhah menjawab: saya, Sabda Rasulullah s.a.w: Engkau turunlah kedalam kuburnya. Lalu Abu Talhah turun dan mengebumikannya....

حدثنا عثمان قال حدثني جرير عن سعد بن عبيدة عن أبي عبد الرحمن عن علي رضي الله عنه قال "كنا في جنازة في بقيع الغرقد، فأتانا النبي صلى الله عليه وسلم فقعد، وقعدنا حوله، ومعه مخرصة، فنكس فجعل ينكت بمخرصة

(فتح الباري, الجزء الثالث, دار الفكر, ص 225)

Maksudnya: kami menghadiri (perkebumian) satu jenazah di Baqi'qarqod (nama kawasan perkuburan di madinah) dan Nabi s.a.w datang kepada kami lalu Baginda duduk dan kami pun duduk di sekeliling Baginda. Baginda membawa bersamanya sebatang tongkat lalu baginda memalingkannya dan menggariskan tanah dengan tongkat.....

PERMASALAHAN PENGAGIHAN WANG ZAKAT UNTUK PROGRAM TUISYEN UPSR/PMR DAN SPM DI SEKOLAH-SEKOLAH TERPILIH DI PULAU PINANG

Keputusan:

Mesyuarat telah memutuskan seperti berikut:-

1. Pelajar-pelajar bukan Islam boleh menyertai tuisyen tersebut.
2. Ibubapa pelajar bukan Islam perlu membayar kos tuisyen untuk anak mereka atau pihak sekolah menggunakan wang dari sumber lain.
3. Untuk pembayaran kepada tenaga pengajar bukan Islam, pihak PUZ dinasihatkan supaya mengeluarkan peruntukan tersebut di atas nama sekolah berkenaan, maka tenaga pengajar yang bukan Islam itu boleh membuat tuntutan bayaran tersebut terus dari pihak sekolah.
4. Mesyuarat mencadangkan supaya matapelajaran pengetahuan Agama Islam diajar dalam program tuisyen ini dan pihak PUZ dapat menyediakan buku-buku yang berkaitan dengan 'adab-adab dalam Islam'.

(APRIL 2006)

MEMOHON SURAT SOKONGAN BAGI PROJEK TERJEMAHAN AL-QURAN UNTUK DAKWAH DI HOTEL DAN PELBAGAI AGENSI

Keputusan:

Mesyuarat memutuskan bahawa permohonan untuk mendapatkan surat sokongan bagi projek terjemahan Al-Quran untuk dakwah di Hotel dan pelbagai agensi tidak diluluskan dengan beberapa alasan berikut:-

1. Permohonan ini ada kaitan dengan permohonan derma daripada orang ramai, oleh itu Jawatankuasa ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk meluluskannya.
2. Mesyuarat mencadangkan supaya pihak berkenaan memohon terus dari Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang bagi maksud serta tujuan di atas.
3. Pihak berkenaan juga dipohon supaya merujuk perkara ini kepada Jawatankuasa Dakwah dan Pembangunan Insan, Negeri Pulau Pinang.

(APRIL 2006)

CADANGAN MEMBAIKI MASJID KUALA JURU DAN MENUNAIKAN SOLAT JUMAAT DI DEWAN SERBAGUNA KUALA JURU, SPT

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju memutuskan permohonan tersebut seperti berikut:

1. Mesyuarat melahirkan rasa kesal di atas tindakan pihak masjid yang telah membenarkan pihak kontraktor merobohkan bumbung dan bahagian-bahagian lain di bangunan Masjid Kuala Juru tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran dari Jawatankuasa Fatwa.
2. Mesyuarat juga memohon supaya Unit Qaryah JAIPP membuat penerangan kepada semua pengerusi mengenai prosedur membina semula dan meroboh masjid, supaya perkara yang berlaku ini tidak berulang lagi.
3. Mesyuarat meminta supaya laporan lengkap perkara tersebut disediakan dan dilaporkan dalam mesyuarat MAINPP.
4. Mesyuarat meluluskan permohonan untuk pembaikan bahagian bumbung Masjid Kuala Juru dan Dewan Serbaguna, Kuala Juru sebagai tempat sementara solat jumaat.
5. Pihak urusetia dipohon supaya memantau agar bahan – bahan kayu lama yang dirobohkan itu diuruskan dengan baik.

(JUN 2006)

PERMOHONAN UNTUK MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT DI SURAU PUSAT SERENTI, KAMPUNG SELAMAT, TASEK GELUGOR

Keputusan:

Mesyuarat telah meluluskan permohonan tersebut dengan alasan-alasan berikut:-

1. Kelulusan ini diberi kerana untuk menjaga keselamatan supaya pelatih-pelatih dapat dikawal dan mengelakkan mereka dari melarikan diri jika solat jumaat dilakukan di luar pusat.
2. Bagi melatih dan mendidik pelatih mengenai kewajipan solat jumaat dan ianya juga sebagai sebahagian daripada proses rawatan dan pemulihan.
3. Dalil dan hujah dari ulasan kitab:-

**فرع) لا تنعقد الجمعة عندنا بالعبيد ولا المسافرين وبه الجمهور* وقال أبو حنيفة تنعقد*
(المجموع شرح المذهب ص 505)

Maksudnya: *(cabang) Hamba dan orang musafir tidak termasuk dalam bilangan jumaat, ini adalah pendapat jumhur ulama' dan bagi pendapat Imam Hanafi kepada hamba dan musafir dimasukkan dalam bilangan jumaat.*

Harus mengadakan Jumaat di Pusat Serenti berdasarkan masalah kepada penghuni Pusat tersebut dengan berpandukan kepada hukum Jumaat dalam penjara kerana Pusat Pemulihan tersebut adalah dianggap penjara yang tidak rasmi, dengan berpegang kepada pendapat Imam Ghazali dan Imam Isnawi seperti berikut:

Telah berkata Imam Ghazali: *Jika pemerintah telah melihat masalah padanya untuk ditegah, maka tegah ia, jika tidak, tidak perlu (boleh melakukan jumaat) dan itulah yang lebih utama. Dan jika berhimpun 40 orang atau lebih di dalam kurungan (penjara), telah berkata isnawi: Maka qiasnya Jumaat wajib bagi mereka, dan jika tidak terdapat di kalangan mereka yang boleh mendirikannya, maka adakah harus bagi seseorang daripada "Balad" yang tidak sukar padanya berhimpun untuk mendirikan Jumaat bagi mereka?*

Dan yang zahirnya harus demikian itu seperti kata setengah-setengah ulama' mutaakhirin.

4. Kebenaran kelulusan ini akan diisytiharkan oleh Jabatan Mufti, berkuatkuasa mulai bulan Julai 2006.

(JUN 2006)

CADANGAN UNTUK MENGGUNAKAN DANA DARI AKAUN TAWAQQUF SEBANYAK RM 450,000.00 SEBAHAGIAN KOS PEMBELIAN BANGUNAN ALINAMIN, LEBUH CHULIA, PULAU PINANG

Keputusan:

Mesyuarat telah memutuskan seperti berikut:

1. Mesyuarat telah meluluskan cadangan untuk menggunakan dana dari Akaun Tawaqquf sebagai sebahagian kos pembelian Bangunan Alinamin, ini kerana isu pembelian Tanah Pantai Aceh yang sebelum ini belum selesai lagi.
2. Mesyuarat mencadangkan pihak Baitulmal MAINPP memohon wang dari Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji Malaysia (JWZH) bagi tujuan pembelian tersebut.

3. Jika sekiranya permohonan tersebut tidak berjaya, maka mesyuarat bersetuju supaya wang dari Akaun Tawaqquf digunakan sepenuhnya untuk pembelian Bangunan Alinamin iaitu berjumlah RM 850,000.00, dan bangunan itu sebagai harta Tawaqquf.

(JUN 2006)

STATUS TAPAK KUBUR ORANG ISLAM ATAS LOT 306 MUKIM 2, SEB. PERAI SELATAN MILIK EN.GOH KHENG HUAT

Keputusan:

Mesyuarat telah memutuskan seperti berikut:

1. Mesyuarat mencadangkan kepada Bahagian Wakaf MAINPP supaya berusaha untuk membeli atau membuat pengambilan balik Tanah Lot 306 bagi maksud Tanah Perkuburan kerana Lot tersebut terletak bersempadan dengan Tanah Perkuburan yang sedia ada.
2. Jika sekiranya usaha untuk membeli atau pengambilan balik Lot 306 gagal, maka mesyuarat memutuskan supaya kubur tersebut dipindahkan ke Tanah Perkuburan yang berdekatan.

(JUN 2006)

PERMOHONAN MEMBINA SEKOLAH AGAMA RAKYAT ATAS TAPAK PERKUBURAN ISLAM TAMAN KUALA MUDA, PENAGA DI LOT PT 500, MUKIM 1, SPU

Keputusan:

Mesyuarat telah memutuskan seperti berikut:

1. Permohonan tersebut tidak diluluskan, kerana Lot PT 500, Mukim 1, SPU adalah wakaf khas untuk perkuburan.
2. Mesyuarat mencadangkan supaya pihak berkenaan mencari tapak lain.

(JUN 2006)

CADANGAN MENGADAKAN SOLAT JUMAAT DI MASJID BUKIT BENDERA, PULAU PINANG

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju memutuskan permohonan tersebut seperti berikut:

Mesyuarat mengambil keputusan untuk menangguhkan cadangan mengadakan Solat Jumaat di Masjid Bukit Bendera, Pulau Pinang kerana ianya tidak sampai ke peringkat keperluan lagi dan anak jemaah yang bermastautin di situ tidak mencukupi 40 orang seperti yang dikehendaki oleh Mazhab Syafie, walaupun dalam Mazhab yang lain (hanafi) boleh dilakukan dibimbangi boleh menimbulkan kesan yang tidak baik dalam masyarakat yang kebanyakannya berfahaman Mazhab Syafie.

(OKTOBER 2006)

PERMOHONAN UNTUK MELETAKKAN TANAH – TANAH DIKENALI SEBAGAI P.T.2, MUKIM A DAN P.T.73, MUKIM 1, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG DI BAWAH PENGURUSAN BAHAGIAN SUMBER AM, MAINPP

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju memutuskan permohonan tersebut seperti berikut:

1. Tanah-tanah yang dinyatakan iaitu Tanah Lot P.T.2, Mukim A dan P.T.73, MUKIM 1, Daerah Barat Daya adalah kekal hak Akaun Tawaqquf seperti yang telah diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Syariah, bil 2/ 2005 bertarikh 5 APRIL 2005.
2. Cukai tanah ke atas lot-lot tersebut hendaklah dibayar dengan menggunakan wang dari Akaun Tawaqquf bermula dari lot-lot itu dibeli (menggunakan wang dari Akaun Tawaqquf).
3. Hasil yang diperolehi di atas lot-lot tanah tersebut dari tarikh ini dimiliki oleh Tawaqquf adalah hak Akaun Tawaqquf.

(JUN 2006)

MEMOHON UNTUK MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT (SEMENTARA) DI SURAU INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN, KEPALA BATAS, SPU

Keputusan:

Mesyuarat telah memutuskan permohonan ini tidak diluluskan dengan alasan-alasan seperti berikut:-

1. Tidak sampai ke peringkat keperluan lagi
2. Jarak Institut Latihan Perindustrian dengan Masjid Kubang Menerong (dalam satu qaryah) hanya 1.5km.
3. Mempunyai kemudahan transport untuk ke Masjid Kubang Menerong.
4. Masjid Kubang Menerong masih boleh menampung anak jemaah yang sedia ada.
5. Mesyuarat mengesyorkan kepada pihak berkenaan supaya membuat permohonan tersebut sekali lagi apabila per.1.3.dan 4 tidak boleh dilaksanakan lagi.

(JUN 2006)

ADUAN TAPAK PERKUBURAN ATAS LOT 3662, MUKIM 3, SEBERANG PERAI UTARA OLEH UMIBINA (M) SDN.BHD

Keputusan:

Mesyuarat telah memutuskan seperti berikut:-

1. Mesyuarat memutuskan 3 buah kubur yang terdapat di atas Lot 3662 itu hendaklah dipindahkan ke tanah perkuburan yang berdekatan.
2. Mesyuarat memohon supaya proses menggali nanti mengambil kawasan yang lebih luas dari kawasan tanah perkuburan yang sediaada (3 kubur) untuk memastikan kemungkinan ada lagi tanah-tanah perkuburan yang terdapat di sekitar itu.
3. Kos pemindahan itu hendaklah ditanggung oleh pihak Umibina Sdn.Bhd.

(OKTOBER 2006)

USAHA-USAHA MENGHIDUPKAN SEMULA ARQAM MELALUI SYARIKAT RUFQA' CORPORATION SDN.BHD.(SRC) DAN RANGKAIAN SYARIKAT GABUNGANNYA

Keputusan:

Mesyuarat telah memutuskan seperti berikut :-

Bahawa ajaran, pegangan dan fahaman yang dibawa dan dipegang oleh ahli jamaah Syarikat Rufaqa' Corporation Sdn.Bhd (SRC) dan rangkaian syarikat gabungannya adalah menyeleweng daripada ajaran islam.keputusan ini hendaklah diwartakan.

(OKTOBER 2006)

CADANGAN MELAKSANAKAN KONSEP ISTIBDAL BAGI PERMOHONAN PEMAJUAN PERUMAHAN SECARA USAHASAMA OLEH PANSRINT CONSOLIDATED SDN BHD.ATAS TANAH WAKAF PERKUBURAN DI LOT 45, SEKSYEN 2, BUKIT MERTAJAM, SPT

Keputusan:

Mesyuarat telah memutuskan seperti berikut:-

1. Bersetuju supaya konsep Istibdal wakaf dilaksanakan ke atas Lot 45, seksyen 2, Bukit Mertajam.
2. Mesyuarat juga mengingatkan supaya tanah yang diistibdalkan itu hendaklah sama atau lebih baik dari tanah Lot 45.

(OKTOBER 2006)

PERMOHONAN MENUTUP SURAU LAMA MUTIARA PERDANA, LENGKOK KELICAP, BAYAN LEPAS,DAERAH BARAT DAYA BAGI MEMBOLEHKAN PENDUDUK MENGGUNAKAN SURAU BARU MUTIARA PERDANA

Keputusan:

Mesyuarat telah mengambil keputusan seperti berikut:-

1. Mesyuarat bersetuju supaya penduduk menggunakan bangunan baru Surau Mutiara Perdana.
2. Walau bagaimanapun, bangunan Surau Lama Mutiara Perdana mestilah dijaga dengan mengadakan aktiviti yang berfaedah seperti kelas KAFA dan sebagainya.

(NOVEMBER 2006)

PENGESAHAN HUKUM PENGAGIHAN DANA ZAKAT KEPADA GOLONGAN BUKAN ISLAM

Keputusan:

Mesyuarat telah mengambil keputusan seperti berikut:-

1. Takrif Asnaf Muallaf ialah **“Seseorang yang memeluk Islam dan iman masih lemah, adalah diharapkan melalui pemberian agihan ini boleh menguatkan imannya.”**Takrif ini telah diputuskan dalam Muzakarah “Penetapan Pengesahan Hukum dan Dasar Agihan MAINPP” yang telah diadakan pada 26-28 September 1998 di Hotel Seri Malaysia.Bayan Baru.
2. **Sumber zakat tidak boleh diberikan kepada orang bukan Islam.** Ini berdasarkan kepada pendapat Mazhab Syafie dalam kitab Fiqh al-Islami Waadilah Jilid ke 2, karangan Dr.Wahbah al-Zuhaily:hal 871:

Bermaksud **“zakat tidak boleh diberikan kepada orang kafir sama ada tujuannya untuk menjinakkan mereka kepada islam ataupun untuk tujuan lain. Semasa permulaan Islam orang kafir diberi zakat kerana bilangan orang Islam masih kecil,sedangkan bilangan musuh(orang kafir) ramai. Sekarang Allah telah memuliakan Islam dan penganutnya.Bilangan mereka sudah ramai dan tidak perlu lagi untuk menjinakkan orang kafir (dengan pemberian zakat).Para Khulafa al-Rasyidin pun tidak memberi zakat kepada mereka.Malah Saiyiddina Umar bin al-Khattab mengatakan, “Sesungguhnya kami tidak akan memberi sesuatu untuk mereka menganut Islam.Mereka boleh memilih sama ada hendak beriman atau menjadi kafir”.**

3. Mesyuarat berpendapat Program lawatan dan ziarah pesakit-pesakit di Hospital adalah baik dan patut diteruskan. Cuma sumbangan yang hendak diberikan kepada orang bukan Islam hendaklah diperolehi dari sumber lain, bukan sumber zakat.

(NOVEMBER 2006)

CADANGAN MENAMBUN TANAH PERKUBURAN ISLAM KAYU MATI, QARYAH MASJID AL-ITTIFAQ, SUNGAI NIBONG KECIL, PULAU PINANG

Keputusan:

Mesyuarat telah mengambil keputusan seperti berikut:-

1. Mesyuarat meluluskan cadangan tersebut.
2. Kaedah dan cara penambunan itu hendaklah dirujuk kepada kaedah penambunan Tanah Perkuburan Masjid Jamiul Badawi, Kepala batas.

(NOVEMBER 2006)

PERMASALAHAN PAJAKAN PREMIS DI ATAS TANAH WAKF BAGI CADANGAN USAHASAMA PEMBANGUNAN TANAH WAKAF LOT 1444, MUKIM 4, SEBERANG JAYA, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG

Keputusan:

Mesyuarat telah mengambil keputusan seperti berikut:-

1. Mesyuarat bersetuju Lot 1444, Mukim 4, SPT dimajukan dengan cara usahasama di antara MAINPP dengan UDA Land (North) Sdn.Bhd. sebagai balasan kepada MAINPP dengan usahasama ini UDA Land akan menyerahkan kepada MAINPP 7 unit kedai pejabat tiga tingkat bernilai RM10.88 juta.
2. Tanah Wakaf Lot 1444 ini tetap menjadi milik MAINPP sebagai pemegang amanah.
3. Borang 15 A akan digunapakai dalam proses sewaan atau pajakan yang akan dilaksanakan.
4. Mesyuarat bersetuju supaya kaedah sewaan atau pajakan yang digunapakai adalah seperti berikut:-
 - a. Menurut hukum syarak, Tanah Wakaf dan binaan yang terdapat di atasnya tidak boleh dijual, dicagar dan digadai.
 - b. Harta ini hanya boleh disewa atau dipajak iaitu dengan memberi milik manfaat dalam masa tertentu dengan kadar bayaran tertentu. Jika seseorang menyewa atau memajak sebuah rumah atau kedai maka dia boleh mengambil manfaat daripadanya mengikut kehendaknya iaitu samada dia mendiaminya dengan cara menyewa atau dengan cara memberi pinjaman (mendiami secara percuma tanpa sewaan) (Dr.Wahbah al-Zuhaily : Hal 763. Fiqh al-islami waadilah Jilid ke-4).
 - c. Berdasarkan kepada hujah di atas, maka system sewaan atau pajakan ini boleh dilaksanakan seperti berikut:-
 - Setelah premis dibangunkan dalam sesebuah projek itu siap, maka ianya di bawah pentadbiran MAINPP sebagai pemegang amanah.
 - MAINPP bolehlah menyewa atau memajak kepada pihak bank/institusi kewangan untuk tempoh 99 tahun, perolehan dari sewaan atau pajakan itu, MAINPP bolehlah menggunakannya untuk membuat bayaran balik kepada pemaju.
 - Setelah itu, pihak bank dibolehkan untuk menyewa atau memajak kepada pihak yang ketiga (pelanggan) dalam tempoh masa yang boleh ditetapkan oleh pihak bank, seperti dalam tempoh 25 tahun.

- Pihak bank mengenakan sewaan atau pajakan dengan jumlah tertentu dalam tempoh yang ditetapkan, setelah mengambil kira keuntungan yang akan diperolehi oleh bank. Bayaran sewaan atau pajakan itu boleh dibuat dengan cara ansuran iaitu tiap-tiap bulan. Pihak bank boleh berjanji akan meneruskan sewaan atau pajakan ke atas pelanggan dalam tempoh baki tahun iaitu 74 tahun, jika sekiranya pelanggan dapat menjelaskan sewaan atau pajakan bulanan itu dengan baik hingga tamat tempoh yang ditetapkan.
- Pihak bank juga boleh membatalkan sewaan atau pajakan ke atas seseorang jika orang itu gagal menjelaskan sewaan bulannya, dengan itu pihak bank boleh menyewa atau memajak kepada orang lain.
- Jika pihak bank menetapkan sewaan atau pajakan dalam tempoh 25 tahun telah tamat, pihak bank bolehlah membaharui sewaan atau pajakan dalam tempoh baki iaitu 74 tahun. Bayaran sewaan atau pajakan dalam tempoh baki ini boleh dilaksanakan dengan cara 'token'.
- Pihak yang menyewa atau memajak dalam tempoh ini (74 tahun) dibolehkan menyewa atau memajak kepada pihak yang keempat.
- Pihak MAINPP sebagai pemegang amanah ke atas tanah wakaf ini boleh membuat apa-apa syarat yang lain yang munasabah untuk menjaga kepentingan tanah wakaf tersebut.

(NOVEMBER 2006)

DAKWAAN KUBUR ORANG ISLAM ATAS LOT 100, SEKSYEN 1, BUTTERWORTH, SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan:

Mesyuarat telah mengambil keputusan seperti berikut:-

1. Dapatkan kepastian tentang lokasi Tanah Kubur yang terdapat di atas Lot 100, Seksyen 1, Butterworth.
2. Pindahkan Kubur-kubur itu ke tanah perkuburan yang berdekatan. Tindakan inii dilaksanakan setelah dimaklumkan kepada tuan tanah "Chye Seng Construction Sdn.Bhd."
3. Kos pemindahan ini ditanggung oleh MAINPP.

(NOVEMBER 2006)

PERMOHONAN UNTUK MENDIRIKAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT ATAS LOT PT 2330,MUKIM 13,DTL DAN PERMASALAHAN TANAH WAKAF ATAS LOT 6602,MUKIM 13,DTL

Keputusan:

Mesyuarat telah mengambil keputusan seperti berikut:-

1. Bahagian wakaf dipohon untuk mendapatkan surat Qauluhu al-haq yang asli.

(NOVEMBER 2006)

CADANGAN MENGGUNAKAN SUMBER HASIL WAKAF BAGI TUJUAN MELAKSANAKAN PROJEK PEMBANGUNAN 14 UNIT RUMAH KEDIAMAN DI ATAS TANAH WAKAF LOT 192 MK.1,SEBERANG PERAI TENGAH

Keputusan:

Mesyuarat telah mengambil keputusan seperti berikut:-

1. Mesyuarat meluluskan cadangan menggunakan sumber hasil wakaf bagi tujuan melaksanakan projek pembangunan 14 unit rumah kediaman di atas Tanah Wakaf Lot 192 Mk.1, Seberang Perai Tengah.
2. Kelulusan ini dibuat kerana ianya memberi keuntungan kepada sumber hasil wakaf.

(NOVEMBER 2006)

PERMOHONAN KELULUSAN TAPAK TUJUAN PROJEK PEMBINAAN GERAI JUALAN DI ATAS LOT 1524 MK. 3,KAMPUNG ARA KUDA (KAWASAN MASJID ARA KUDA) DAN LOT PT.264 MK.13 KAMPUNG PADANG CEMPEDAK (KAWASAN MASJID AR-RAHMAN PADANG CEMPEDAK) OLEH PENGARAH FAMA

Keputusan:

Mesyuarat telah mengambil keputusan seperti berikut:-

1. Mesyuarat meluluskan permohonan tapak untuk tujuan projek pembinaan gerai di atas lot 1524 Mk.3, dikawasan Masjid Ara Kuda kerana **ianya dibenarkan untuk kegunaan Masjid dan lain-lain Majlis Agama Islam,Pulau Pinang.**
2. Mesyuarat **tidak meluluskan** permohonan tapak untuk tujuan projek pembinaan gerai di atas Lot PT.264 Mk.13 di kawasan Masjid Ar-

Rahman, Padang Cempedak **kerana ianya dibenarkan untuk kegunaan tapak masjid sahaja**. Walau bagaimanapun mesyuarat boleh meluluskan pembinaan itu dengan syarat-syaratnya itu dipinda kepada **“lain-lain kegunaan Majlis Agama Islam, Pulau Pinang”**.

(NOVEMBER 2006)

**HIMPUNAN KEPUTUSA FATWA
NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2007**

Permohonan Pemindahan Masjid Papan, Kampung Pertama, Sungai Pertama, Seberang Perai Tengah Dari Lot 1345 Dan Lot 1346 Mukim 4 Serta Menggantikannya Dengan Tapak Dan Bangunan Masjid Baru Serta Tanah Perkuburan Islam Di Atas Lot 2256 Dan Sebahagian Lot 1029, Mukim 6, Seberang Perai Tengah

Keputusan:

- i. Bangunan Masjid Papan, Kampung Pertama kekal di atas lot 1345 dan lot 1346 Mukim 4.
- ii. Penyediaan sebuah tapak perkuburan Islam di atas lot 2256 dan sebahagian lot 1029, Mukim 6, SPT, bolehlah dibincangkan dengan Ahli Jawatankuasa Qaryah Masjid Papan.

(MAC 2007)

Cadangan Penubuhan Qaryah Baru, Simpang Tiga, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara

Keputusan:

Mesyuarat mengambil keputusan memperakukan cadangan-cadangan berikut:

- i. Penubuhan Qaryah Baru Simpang Tiga, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara.
- ii. Cadangan penggunaan surau Kampung Besar, Tasek Gelugor, SPU, sebagai tempat sementara untuk solat Jumaat.
- iii. Cadangan pembinaan masjid baru di lot 2774 dan 2775 Mukim 12, SPU seluas 12.156 ekar untuk Qaryah Simpang Tiga, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara.
- iv. Memohon supaya Majlis Agama Islam Pulau Pinang, meluluskannya.

(MAC 2007)

Permohonan Untuk Melaksanakan Program Tahfiz Al-quran Oleh Madrasah Tahfiz Al-Kayyis Di Masjid Merbau Kudung, Sungai Dua, Seberang Perai Utara.

Keputusan:

Meluluskan permohonan untuk melaksanakan Program Tahfiz Al-Quran oleh Madrasah Tahfiz Al-Kayyis di Masjid Merbau Kudung, Sungai Dua, Seberang Perai Utara dengan syarat madrasah ini telah pun didaftarkan di bawah Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang.

Melabur Wang Lebih Zakat (Tawaqquf) Dalam Pelaburan Simpanan Tetap Al-Mudharabah Bank Islam Malaysia Berhad

Keputusan:

- i. Meluluskan bahawa wang Tawaqquf boleh dilaburkan ke dalam pelaburan simpanan tetap Al-Mudharabah di Bank Islam Malaysia Berhad, kerana ianya lebih terjamin dan selamat.
- ii. Wang Tawaqquf berjumlah RM 20,000,000.00 yang hendak dilaburkan itu hendaklah dibahagikan kepada beberapa jumlah nilai yang lebih kecil untuk dilaburkan.
- iii. Wang keuntungan dari pelaburan ini hendaklah dimasukkan semula ke dalam akaun Tawaqquf.

(MAC 2007)

Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Masjid Jamek Sg. Gelugor, Pulau Pinang Di Atas Lot 3386, 3387 Dan 3388 Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang

Keputusan :

- i. Bersetuju melulus cadangan meroboh dan membina semula Masjid Jamek, Sg. Gelugor, Pulau Pinang.
- ii. Mesyuarat memohon supaya pelan bangunan baru yang akan disediakan nanti lebih luas dari yang sedia ada dan kedudukan bangunan masjid baru mesti di atas tapak masjid lama atau lebih luas darinya. Pelan itu nanti hendaklah dikemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang terlebih dahulu.

(MAC 2007)

Memohon Untuk Memindahkan Kubur-kubur Yang Ada Di Kawasan Cadangan Bagi Pembesaran Masjid Jamek Sungai Gelugor Di Atas Lot 3386, 3387 Dan 3388 Mukim 13 Daerah Timur Laut

Keputusan :

Oleh kerana cadangan pembesaran ruang Masjid yang dikemukakan itu penting dan ianya perlu disegerakan, maka mesyuarat mencadangkan Pegawai Tadbir Agama Daerah Timur Laut, dapat menyediakan kertas cadangan itu dan dikemukakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang .

(APRIL 2007)

Aduan Tapak Jirat Hindu Di Atas Lot 1276 Mukim 11, Seberang Perai Utara

Keputusan :

Mesyuarat mengambil keputusan supaya Bahagian Wakaf MAINPP merujuk perkara ini ke Pejabat Penasihat Undang-Undang, Negeri Pulau Pinang.

(APRIL 2007)

Masalah Binaan Tandas Memasuki Sebahagian Tanah Wakaf Perkuburan Masjid Jamek Jelutong, Pulau Pinang

Keputusan :

Bangunan tandas yang dibina di atas lot 5, Seksyen 4, Bandar Jelutong, DTL iaitu Tanah Wakaf Perkuburan Haji Slayman hendaklah dirobohkan.

(APRIL 2007)

Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Surau Al- Falah, Gat Lebu Macallum, Pulau Pinang

Keputusan:

- i. Memperakukan cadangan untuk meroboh dan membina semula Surau Al-Falah, Gat Lebu Macallum, Pulau Pinang.
- ii. Memohon supaya MAINPP meluluskannya.

(APRIL 2007)

Cadangan Membina Ruang Tambahan Tempat Solat Di Tingkat Atas Masjid Al-Ittifaq, Sungai Nibong Kechil, Pulau Pinang

Keputusan:

- i. Memperakukan cadangan untuk membina ruang solat tambahan di tingkat atas Masjid Al-Ittifaq, Sungai Nibong Kechil, Pulau Pinang.
- ii. Memohon supaya MAINPP meluluskannya.

(APRIL 2007)

Cadangan Untuk Meroboh Dan Membina Semula Masjid Telaga Air, Daerah Seberang Perai Utara

Keputusan :

- i. Mesyuarat bersetuju membenarkan Masjid Telaga Air yang sedia ada dirobohkan.
- ii. Bahan-bahan binaan masjid yang dirobohkan boleh digunakan lagi hendaklah diserahkan kepada mana-mana masjid dan surau yang memerlukannya. Sekiranya tidak ada, maka bahan-bahan tersebut hendaklah dijual kepada sesiapa sahaja, asalkan sudah baligh dan berakal. Hasil jualan tersebut hendaklah digunakan untuk pembangunan Masjid tersebut. Sekiranya bahan-bahan tersebut tidak boleh digunakan lagi, maka boleh ditimbus pada tapak pembinaan baru. Selain itu bahan-bahan tersebut tidak boleh dibakar, malah dibiarkan reput dengan sendiri mengikut kehendak semula jadi sekiranya ianya tidak boleh digunakan lagi.
- iii. Meluluskan pembinaan semula masjid baru di atas tapak masjid yang sedia ada dan ditapak baru iaitu tanah bersebelahan setelah proses pengambilan balik selesai.
- iv. Sebahagian tapak masjid lama yang tidak terlibat dengan pembinaan bangunan baru perlulah dibuat binaan yang bersesuaian dan boleh digunakan sebagai tempat sembahyang.

(APRIL 2007)

Status Tapak Perkuburan Islam Di Belakang Restoran Sun Yoon Kee Seafood Di Atas Lot No.400, Seksyen 18, Georgetown, Daerah Timur Laut

Keputusan :

Tanah perkuburan yang terletak di belakang Lot 400 tidak perlu dipindahkan sebaliknya perlu dijaga dengan baik.

(MAC 2007)

Permohonan Untuk Menentukan Status Tanah Cadangan Surau Di H.S.(D) 50272, Lot 6364, Mukim 1, Daerah Seberang Perai Tengah

Keputusan :

Mesyuarat meluluskan permohonan untuk membangunkan Perniagaan Stesyen Minyak atau apa-apa pembinaan yang sesuai dengan syarat hendaklah dibina sebuah surau bersamanya.

(MAC 2007)

Cadangan Pembangunan Tanah Wakaf Masjid Kapitan Keling Oleh Pelaburan Hartanah Bumiputera Bhd.

Keputusan :

- i. Konsep pembangunan yang dicadangkan oleh PHBB tidak bercanggah dengan syarak.
- ii. Tanah Wakaf tersebut tidak boleh dicagarkan.
- iii. Konsep yang dicadangkan ini hendaklah lebih memberi keuntungan dari konsep pembangunan yang sedang dilaksanakan.

(JULAI 2007)

Cadangan Penetapan Hukum Zakat Ke Atas Projek Ternakan Kambing Boer Yang Diusahakan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, Jabatan Perdana Menteri (PERDA)

Keputusan :

- i. Dikenakan zakat perniagaan.
- ii. Apabila cukup haul perniagaan, hendaklah dinilai harga semua kambing yang ada dan jika cukup nisab hendaklah dikeluarkan zakat sebanyak 2.5 % dalam bentuk Ringgit Malaysia daripada harga keseluruhan.

(JULAI 2007)

Permasalahan Mengenai Qaryah Masjid Tasek Cempedak, Seberang Perai Selatan

Keputusan :

- i. Majlis penerangan/penjelasan akan diadakan dalam masa yang terdekat, dan diketuai oleh Tuan Haji Elias Zakaria.
- ii. Mesyuarat mencadangkan kepada MAINPP supaya tauliah ketiga-tiga imam yang dilantik itu ditarik balik.
- iii. Mesyuarat mencadangkan kepada MAINPP selepas ketiga-tiga imam itu ditarik tauliah mereka, maka satu pengiklanan terbuka berkaitan dengan jawatan imam diadakan. Sesiapa dari anak Qaryah Tasek Cempedak yang berminat dan berkelayakan boleh memohon untuk ditemuduga.
- iv. Semasa kekosongan berlaku disebabkan penarikan tauliah imam dan menunggu perlantikan imam-imam baru pihak Pejabat Agama Daerah Seberang Perai Selatan, hendaklah mengendali dan menjadi imam solat.

Cadangan Penubuhan Masjid Daerah Seberang Perai Utara

Keputusan :

- i. Memperakui cadangan penubuhan dan pembinaan Masjid Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang di atas P.T.1669, Mukim 6, Jalan Bertam, Bertam, Seberang Perai Utara.
- ii. Memperakui penentuan sempadan pengurusan Masjid Daerah Seberang Perai Utara seperti yang dicadangkan.
- iii. Memohon MAINPP mempertimbangkan kelulusannya.

(JULAI 2007)

Permohonan Suntikan Modal Kepada Syarikat Permodalan Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PWPPSB) Menggunakan Wang Dana Wakaf

Keputusan :

- i. Tidak diluluskan Permohonan tersebut.
- ii. Mesyuarat mencadangkan PWPPSB mendapatkan Suntikan Modal itu dari sumber yang lain.

(JULAI 2007)

Cadangan Menambun Tanah Perkuburan Islam Masjid Jamek Sungai Nibong Besar, Pulau Pinang

Keputusan :

- i. Meluluskan cadangan tersebut.
- ii. Pihak berkenaan yang akan terlibat dengan kerja-kerja penambunan ini hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan dan adab-adab berada di atas kubur.

(JULAI 2007)

Mengubahsuai Bumbung Bangunan Masjid Jamek Perangin, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang

Keputusan :

- i. Mesyuarat memohon supaya Pegawai Tadbir Agama Daerah Timur Laut dan pegawai dari Pejabat Pembangunan Negeri boleh mengadakan perbincangan dengan S.S. Dato' pengerusi mengenai perkara-perkara di atas.

- ii. S.S. Dato' pengerusi boleh membuat keputusan hasil daripada perbincangan tersebut.

(OGOS 2007)

“Tariqat A’liyah Naqsyabandiyah Mujadidiyah Al-Khalidiyah (Ajaran Suluk) Kampung Gurun, Penaga Dan Pondok Upeh, Balik Pulau, Pulau Pinang

Keputusan :

- i. Mengadakan pertemuan dengan ahli-ahli tariqat ini bagi membetulkan perkara-perkara berikut :
- Pengiktirafan Mursyid kepada imam/ketua.
 - Tidak hadir solat Jumaat.
 - Kedudukan saf semasa solat berjemaah.
 - Perlu menghadiri kelas-kelas pengajian yang dikendalikan oleh guru yang bertauliah.
- ii. Selepas pertemuan dan penjelasan diberi, maka pihak Jabatan Mufti bersama Bahagian Penguatkuasa JAIPP hendaklah membuat pemantauan perjalanan tariqat tersebut.
- iii. Sekiranya pengikut-pengikut tariqat ini tidak mematuhi keputusan ini, maka satu tindakan yang bersesuaian akan diambil.

(OGOS 2007)

Permohonan Untuk Mendapatkan Kelulusan Mengubah Dan Menggantikan Tapak Surau Al-hidayah, Batu Uban, Pulau Pinang Yang Terletak Di Atas Tanah Wakaf Lot 4691, Mukim 13, Daerah Timur Laut, (Gm 498) Bagi Membangunkan Sebuah Stesyen Minyak Shell

Keputusan :

Permohonan ini ditolak kerana konsep Istibdal yang hendak dilaksanakan di antara lot 4691 dengan lot 4690 bukan untuk kepentingan awam.

(OGOS 2007)

Permohonan Menggunakan Masjid Lama Tanjung Bungah Sebagai Pusat Aktiviti Masyarakat Kawasan Tanjung Bungah, Pulau Pinang

Keputusan :

Permohonan ini tidak dapat diluluskan.

(OKTOBER 2007)

Permohonan Mengadakan Solat Jumaat Di Surau Limbungan Kapal, Penang Shipbuilding & Construction Sdn. Bhd. Pulau Jerejak, Pulau Pinang

Keputusan :

Permohonan ini tidak diluluskan dengan alasan pihak syarikat tersebut tidak menghadapi sebarang masalah untuk membawa kakitangannya ke masjid berdekatan bagi menunaikan solat Jumaat.

(OKTOBER 2007)

Cadangan Bayaran 20% Dari Keuntungan Pelaburan Mudharabah Wang Tawaqquf Disumbangkan Kepada Bahagian Pentadbiran MAINPP

Keputusan :

- i. Permohonan ini tidak boleh diluluskan.
- ii. Dicapulkan kepada Pentadbiran Majlis mengemukakan kertas kerja di dalam mesyuarat MAINPP untuk memperolehi sejumlah bahagian daripada 1/8 asnaf amil yang diterima oleh PUZ sekarang ini.
- iii. Dipohon supaya Kerajaan Negeri dapat memperuntukan sejumlah geran kepada MAINPP.

(OKTOBER 2007)

Cadangan Pengambilan Balik Tanah Atas Lot 4999, Mukim 7, Seberang Perai Utara (Tapak Masjid Darat)

Keputusan :

Permohonan ini tidak diluluskan.

(OKTOBER 2007)

Cadangan Penubuhan Qaryah Baru Sri Ampangan Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan

Keputusan :

Permohonan untuk penubuhan Qaryah baru Sri Ampangan Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan diluluskan.

(OKTOBER 2007)

**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA
NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2008**

Cadangan Pembinaan Bangunan Tambahan, Bahagian Belakang Masjid Jamek Jelutong, Jalan Jelutong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang

Keputusan :

- i. Mesyuarat memperakui dan menyokong cadangan pembinaan bangunan tambahan, bahagian belakang Masjid Jamek Jelutong, Daerah Timur Laut Pulau Pinang dengan mengikut pelan yang dikemukakan.
- ii. Mesyuarat memanjangkan perkara ini kepada MAINPP untuk kelulusan seterusnya.

(OGOS 2008)

Cadangan Penubuhan Qaryah Baru Sungai Dua Dan Mendirikan Solat Jumaat Di Masjid As-Soghir

Keputusan :

- i. Mesyuarat bersetuju memperakui dan menyokong perkara-perkara berikut :
 - Penubuhan qaryah baru Sungai Dua, Daerah Timur Laut.
 - Mendirikan solat Jumaat di Surau As-Soghir, Taman Pekaka, Sungai Dua.
 - Menaik taraf Surau As-Soghir, Taman Pekaka, Sungai Dua sebagai sebuah masjid.
- ii. Mesyuarat memanjangkan perkara ini kepada MAINPP untuk kelulusan seterusnya.

(OGOS 2008)

Permohonan Untuk Mewakafkan Tanah Dan Rumah Oleh Puan Hajah Salmiah Binti Abu Bakar, Atas Lot 3945, Mukim 4, Seberang Perai Utara

Keputusan :

- i. Mesyuarat mengucapkan ribuan terima kasih di atas niat baik Puan Hajah Salmiah binti Abu Bakar yang hendak mewakafkan tanah dan rumah tersebut.
- ii. MAINPP tidak boleh melakukan proses mewakafkan tanah dan rumah tersebut kerana pewakaf tidak mampu menyerahkan barang yang hendak

diwakafkan kepada penerima wakaf, kerana barang yang hendak diwakafkan itu masih dalam cagaran Kerajaan Malaysia.

(**OGOS 2008**)

Permohonan Untuk Menggunakan Sebahagian Tapak Masjid Atas Lot PT 25, Mukim 11 (Merbau Kudong) Seberang Perai Utara, Sebagai Tapak Perkuburan Islam

Keputusan :

- i. Mesyuarat mencadangkan supaya pihak yang berkenaan membuat permohonan untuk meminda syarat-syarat nyata dalam Surat Hakmilik Sementara (Geran) kepada ***Tanah yang diberimilik ini hendaklah digunakan untuk tapak masjid baru Merbau Kudong, Sungai Dua dan lain-lain aktiviti keagamaan.***
- ii. Mesyuarat mengambil keputusan tidak meluluskan permohonan tersebut kerana ianya bertentangan dengan Syarat-Syarat Nyata dalam Surat Hakmilik Sementara (Geran).

(**OGOS 2008**)

Status Tapak Kubur Orang Islam Atas Lot 185, Mukim 11 (Changkat), Seberang Perai Selatan, Milik En. H'ng Ha Choo

Keputusan :

- I. Memberi kebenaran memindahkan dua buah kubur yang terletak di atas lot 185, Mukim 11, SPS.
- ii. Kos perbelanjaan untuk kerja-kerja pengalihan kubur ditanggung oleh tuan tanah.

(**OGOS 2008**)

Status Tapak Kubur Orang Islam Atas Lot 2031, Mukim 12 (Sungai Ara), Daerah Barat Daya

Keputusan :

Pemohon hendaklah terlebih dahulu membuat proses perletakan namanya yang sah dalam geran tersebut.

(**OGOS 2008**)

Cadangan Untuk Menggunakan Wang Pampasan Pengambilan Balik Tanah Wakaf Bagi Membeli Lot 126, Mukim 3 (Sungai Rusa), Daerah Barat Daya

Keputusan :

Meluluskan cadangan menggunakan wang pampasan pengambilan balik tanah wakaf (pelbagai) bagi membeli Lot 126, Mukim 3, Daerah Barat Daya.

(SEPTEMBER 2008)

Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Masjid Jamek Kampung Banggol, Kepala Batas, Seberang Perai Utara

Keputusan :

- i. Mesyuarat memperakui dan menyokong cadangan meroboh dan membina semula Masjid Jamek Kampung Banggol, Kepala Batas, Seberang Perai Utara dengan syarat komen dan ulasan daripada pihak JKR diperolehi.
- ii. Sekiranya komen dan ulasan daripada pihak JKR menunjukkan bangunan masjid itu masih kukuh , maka cadangan ini diperakui dan disokong dengan alasan untuk membesarkan bangunan masjid bagi menampung kehadiran jemaah qaryah berkenaan.
- iii. Plan bangunan masjid baru hendaklah dikemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, sebelum proses meroboh dan pembinaan semula dilakukan.
- iv. Mesyuarat memanjangkan perkara ini kepada MAINPP untuk kelulusan seterusnya.

(SEPTEMBER 2008)

Permohonan Mendapatkan Pandangan Syarak / Kelulusan Jawatankuasa Fatwa Mengenai Cadangan Kutipan Wakaf Tunai Bagi Pembangunan Tabung Dana Wakaf Pendidikan ISDEV (Wakaf Education Fund For ISDEV) Atau WISDEV Oleh Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia

Keputusan :

- i. Meluluskan cadangan kutipan Wakaf Tunai bagi tujuan pembangunan Tabung Dana Wakaf Pendidikan ISDEV, USM.
- ii. Hasil dari kutipan wakaf tunai itu hendaklah dibelanjakan kepada perkara-perkara yang kekal.
- lii. 70% dari hasil kutipan wakaf tunai itu boleh digunakan untuk pembelian perkara-perkara yang kekal sahaja. Lafaz akad wakaf tunai itu diputuskan seperti berikut :

“ Saya wakilkan kepada ISDEV untuk mewakafkan 70% dari wang ini sebagai Wakaf Am kerana Allah S.W.T. “

iv. 30% dari hasil kutipan tunai itu tidak menjadi wakaf kerana ianya dibelanjakan kepada perkara-perkara yang tidak kekal.

(OKTOBER 2008)

Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Masjid Jamek Al-Munawwar, Kelawai, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang

Keputusan :

- i. Meluluskan cadangan meroboh dan membina semula masjid Jamek Al-Munawwar, Kelawai, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.
- ii. Plan bangunan masjid baru mestilah terletak di atas tapak masjid yang sedia ada atau lebih besar darinya. Oleh itu, kawasan 4 kaki yang terletak dalam kawasan rezab jalan mestilah dimasukkan sebagai tapak masjid yang baru.
- iii. Meluluskan penangguhan sementara penggunaan Masjid Jamek Al-Munawwar, Kelawai, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Penangguhan ini berkuatkuasa apabila projek ini hendak dilaksanakan nanti. Tempat sementara untuk anak qaryah ini menunaikan solat fardhu dan solat fardhu Jumaat ialah di bangunan sementara yang akan dibina.
- iv. Meluluskan perpindahan tiga buah kubur dan dicadangkan supaya dipindahkan ke Tanah Perkuburan Awam yang terdekat.

(OKTOBER 2008)

Cadangan Mengadakan Solat Jumaat Di Surau Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA – TECH) Bukit Panchor, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang

Keputusan :

- i. Permohonan untuk mengadakan Solat Fardhu Jumaat di Surau Institut Kemahiran Tinggi PERDA Bukit Panchor, Nibong Tebal, SPS ditangguhkan.
- ii. Permohonan ini boleh dikemukakan semula setelah terdapat anak jemaah yang bermastautin di kawasan itu melebihi 40 orang.

(OKTOBER 2008)

Cadangan Mendapat Pandangan Jawatankuasa Fatwa Mengenai Corak-Corak Pada Dinding Marmar, Masjid Jamek Haji Abdul Kadir, Bagan Tuan Kecil, Butterworth

Keputusan :

I. Satu pekeliling hendaklah dikeluarkan oleh Bahagian Qaryah JAIPP kepada semua pengerusi Qaryah Masjid dalam Negeri Pulau Pinang mengenai :

“kerja-kerja pengindahan, pengukiran dan perhiasan yang hendak dibuat di dalam masjid, hendaklah terlebih dahulu merujuk perkara tersebut kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang”.

ii. Bagi hiasan (corak) yang terdapat di dinding Masjid Haji Abdul Kadir, Bagan Tuan Kecil, Butterworth hendaklah ianya ditutup pada bahagian-bahagian yang menimbulkan kesamaran apabila dilihat.

(OKTOBER 2008)

Permohonan Mendapatkan Pandangan Mengenai Pengurusan Air Sisa Buangan Dari Pusat Penjualan Ternakan Sungai Pinang

Keputusan :

i. Mesyuarat memutuskan air yang terhasil selepas dirawat walaupun telah berlaku percampuran sisa air basuhan dan sisa buangan khinzir sebelumnya, air itu adalah dihukum suci dan bersih.

ii. Air rawatan tersebut boleh digunakan bagi tujuan menyiram pokok dan juga untuk kerja-kerja kebersihan kawasan loji.

iii. Lawatan ke loji kumbahan tersebut perlu dibuat bagi tujuan pengesahan kedudukan air rawatan tersebut.

(OKTOBER 2008)

Cadangan Untuk Menggunakan Tanah Bermilik Kerajaan Untuk Tujuan Tapak Perkuburan Atas Lot 299, Mukim 8, SPS Sebagai Tapak Perusahaan Semaian

Keputusan :

i. Mesyuarat memutuskan tanah Lot 229, Mukim 8, SPS boleh dibangunkan untuk tujuan perusahaan yang bersifat sementara sehinggalah tanah tersebut digunakan sebagai tanah perkuburan sebagaimana maksud asal wakaf.

ii. Mesyuarat memberi persetujuan kepada pihak Sejati Manis Sdn. Bhd. yang bercadang menyewa tanah tersebut untuk dijadikan tapak perusahaan. Namun, mesyuarat mencadangkan pihak MAINPP agar mengkaji semula kadar sewaan

RM1000.00 setahun sebagaimana cadangan pihak pemaju.

iii. Mesyuarat mencadangkan pihak MAINPP, sekiranya ada permohonan daripada qaryah untuk memajukan tanah tersebut, maka permohonan tersebut hendaklah diutamakan.

iv. Mesyuarat turut berpandangan agar harta-harta wakaf yang hendak dimajukan perlu mengutamakan pemaju-pemaju beragama Islam.

(NOVEMBER 2008)

Permohonan Kebenaran Bagi Memindah Perkuburan Lama Atas Lot 994, Mukim 11, Daerah Barat Daya

Keputusan :

- i. Mesyuarat bersetuju menangguhkan permohonan memindah perkuburan lama atas Lot 994, Mukim 11, Daerah Barat Daya sehingga semua pemilik tanah tersebut memberi persetujuan.
- ii. Permohonan ini boleh dikemukakan semula setelah mendapat persetujuan semua pemilik tanah berkenaan.

(NOVEMBER 2008)

Cadangan Penyatuan Akaun-Akaun Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Di Bawah Satu Akaun Bank

Keputusan :

- i. Mesyuarat memutuskan akaun-akaun MAINPP tidak dapat disatukan di bawah satu akaun bank buat masa ini disebabkan kerumitan yang timbul dalam mengenalpasti keuntungan setiap satu kumpulan wang. Namun, mesyuarat bersetuju untuk mempertimbangkan perkara ini semula jika permasalahan yang timbul ini dapat diselesaikan.
- ii. Mesyuarat mencadangkan kumpulan wang Pentadbiran digabungkan dengan kumpulan wang Sumber Am. Justeru, mesyuarat mencadangkan akaun kumpulan wang MAINPP dikurangkan daripada 4 akaun kepada 3 akaun sahaja iaitu:
 - Kumpulan wang Zakat dan Fitrah
 - Kumpulan wang Wakaf, dan
 - Kumpulan wang Pentadbiran dan Sumber Am.

(NOVEMBER 2008)

Permohonan Pengalihan Tapak Surau Dan Perkuburan Orang Islam Di Atas Lot 3626, Mukim 3 (Pinang Tunggal), Seberang Perai Utara Bagi Tujuan Rancangan Projek Tebatan Banjir Fasa 2B, Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)

Keputusan :

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang bersetuju meluluskan permohonan pengalihan tapak surau dan perkuburan orang Islam di atas Lot 3626, Mukim 3 (Pinang Tunggal 1), Seberang Perai Utara bagi tujuan Rancangan Projek Tebatan Banjir Fasa 2B, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

(JUN 2008)

**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA
NEGERI PULAU PINANG 2009**

CADANGAN UNTUK MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA MASJID JAMEK BATU MAUNG, DAERAH BARAT DAYA

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju memberi kebenaran bagi meroboh dan membina semula Masjid Jamek Batu Maung dengan Syarat berikut:

- i. Pihak Qaryah mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi tujuan pembinaan semula Masjid Jamek Batu Maung.
- ii. Pihak Pejabat Agama Daerah Barat Daya perlu merujuk dan mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Mufti Pulau Pinang berhubung rupabentuk dan plan cadangan.

(JANUARI 2009)

KEDUDUKAN SENAMAN YOGA DI KALANGAN UMAT ISLAM

Keputusan:

- i. Mesyuarat setelah meneliti hujah dan dalil bersetuju bahawa senaman yoga mempunyai kaitan secara langsung dengan agama Hindu. Yoga sebagaimana yang dimaksudkan adalah didapati tidak sesuai diamalkan oleh umat Islam dan boleh merosakkan akidah umat Islam. Justeru mesyuarat memutuskan bahawa senaman yoga atau apa sahaja yang disandarkan kepada "yoga" adalah haram untuk diamalkan.
- ii. Mesyuarat turut mencadangkan kepada pihak urusetia untuk menyediakan draf perwartaan senaman yoga dan dibentangkan di dalam mesyuarat yang akan datang untuk penelitian dan pengesahan.

(JANUARI 2009)

HUKUM WANITA MENYERUPAI LELAKI (PENGKID)

Keputusan:

- i. Mesyuarat setelah meneliti hujah dan dalil bersetuju bahawa, iaitu wanita yang berpenampilan dan gerak laku serta mempunyai naluri seksual seperti lelaki adalah haram di sisi Islam.
- ii. Mesyuarat turut mencadangkan kepada pihak urusetia untuk menyediakan draf perwartaan pengharaman pengkid dan dibentangkan di dalam mesyuarat yang akan untuk penelitian dan pengesahan.

(JANUARI 2009)

HUKUM PENGGUNAAN AYAT-AYAT AL-QURAN DAN LAUNGAN AZAN DALAM NADA DERING DAN PAPARAN SKRIN DI DALAM TELEFON BIMBIT

Keputusan:

- i. Hukum penggunaan ayat-ayat suci Al-Quran dan laungan azan dalam nada dering dan paparan skrin di dalam telefon bimbit adalah harus. Walau bagaimanapun, pengguna telefon bimbit hendaklah sentiasa menjaga kesucian Al-Quran seperti tidak membiarkan deringan Al-Quran atau laungan azan ketika berada di dalam tandas.

(JANUARI 2009)

CADANGAN UNTUK MEROBOH SURAU PADANG CHEMAPEDAK, TASEK GELUGOR, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan:

- i. Mesyuarat bersetuju memberi kebenaran meroboh surau Padang Chempedak yang telah terbiar dan tidak lagi digunakan untuk sebarang program-program keagamaan.
- ii. Mesyuarat mencadangkan kayu-kayu dan bahan-bahan binaan surau atau sekolah-sekolah di dalam qaryah tersebut atau qaryah yang berhampiran.

(MAC 2009)

ISU BAYARAN PAMPASAN RUMAH PUSAKA NO. 3234, MUKIM 14, KAMPUNG TOK SUBUH, SEBERANG PERAI

Keputusan:

- i. Mesyuarat memutuskan tapak rumah no 3234 adalah kepunyaan En. Saad Bin Yaakob memandangkan tapak rumah tersebut terletak di atas tanah milik En. Saad sebagaimana pembahagian yang telah dipersetujui bersama oleh Saad dan Ishak iaitu waris kepada Yaakob.
- ii. Manakala rumah tersebut dianggap sebagai rumah pusaka dan diwarisi oleh Saad dan Ishak. Justeru bayaran pampasan ke atas rumah yang bernilai RM14,000.00 perlu dibahagi $\frac{1}{2}$ kepada waris Saad dan $\frac{1}{2}$ kepada waris Ishak. Pembahagian kepada waris-waris perlu dibuat mengikut kaedah faraid.
- iii. Mesyuarat berpandangan tuntutan bayaran pampasan yang dibuat oleh Nazri Bin Ismail dan Ramli Bin Ishak ketika menduduki rumah no 3234 adalah satu tuntutan yang tidak munasabah memandangkan mereka berdua mendudukinya secara percuma berbanding waris-waris yang lain. Justeru mesyuarat memutuskan tiada sebarang tuntutan bayaran pampasan boleh dibuat sama ada oleh Nazri Bin Ismail ataupun Ramli Bin Ishak.

(MAC 2009)

HUKUM MENTERNAK DAN MENJUAL LINTAH DAN CACING UNTUK TUJUAN PERUBATAN DAN KOSMETIK

Keputusan:

- i. Mesyuarat bersetuju menyokong keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan kali ke-81 yang memutuskan bahawa menggunakan lintah dan cacing dalam perubatan dan sebagai bahan dalam kosmetik adalah harus. Begitu juga hukum menternak atau berjual beli atas dasar manfaat yang diperolehi daripada kedua-dua haiwan tersebut adalah harus.
- ii. Mesyuarat turut berpandangan tidak timbul sebarang unsur penderaan atau penyeksaan terhadap haiwan lain dalam proses pembiakan lintah dan cacing. Namun, mesyuarat melarang sama sekali penggunaan bahan-bahan makanan daripada najis jenis mughalazah dalam apa jua ternakan sama ada lintah atau cacing.

(MAC 2009)

ISU TUNTUTAN PENGANUT KRISTIAN TERHADAP PENGGUNAAN KALIMAH ALLAH

Keputusan:

- i. Mesyuarat bersetuju menyokong keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan kali ke-82 yang memutuskan bahawa lafaz kalimah Allah merupakan kalimah suci yang khusus bagi agama dan umat dan ia tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam yang lain. Oleh itu, wajib bagi umat Islam menjaganya dengan cara yang terbaik dan sekiranya terdapat unsur-unsur penghinaan atau penyalahgunaan terhadap kalimah tersebut, maka ia perlu disekat mengikut peruntukan undang-undang yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
- ii. Mesyuarat turut mencadangkan agar satu kajian dibuat oleh pihak Urusetia bagi mengenalpasti beberapa perkataan lain yang khusus digunakan oleh umat Islam dan tidak oleh agama-agama lain.
- iii. Mesyuarat bersetuju agar keputusan ini diwartakan.

(MAC 2009)

CADANGAN PENYELESAIAN ISU MASJID TERBIAR NEGERI PULAU PINANG

Keputusan:

- i. **Masjid Sungai Dua** hendaklah dibaiki dan dihidupkan semula untuk didirikan solat Zohor dan Asar di dalamnya. Hal ini adalah bagi menjaga wakaf orang-orang terdahulu dan harta umat islam.
- ii. **Masjid Ara Kuda** diputuskan seperti yang telah dicadangkan di dalam kertas kerja yang dibentangkan iaitu dijadikan kelas tahfiz serta ditawarkan kepada NGO Islam. Manakala nama masjid tersebut mestilah dikekalkan.
- iii. **Masjid Simpang Ampat** pula diputuskan untuk dikekalkan sebagai masjid yang asal. Masjid hendaklah dibaik pulih dan dijadikan sama ada sebagai Perpustakaan Islam, Pusat Islam atau Kelas Tahfiz. Ini adalah demi mengekalkan kesucian masjid tersebut.
- iv. Jawatankuasa ini telah menggariskan beberapa panduan bagi mengharuskan sesuatu masjid itu dirobohkan, seperti berikut :-

a) Apabila sesuatu masjid itu telah terlalu lama dan dibimbangi bangunannya akan runtuh. Dalam hal ini masjid baru hendaklah didirikan semula di situ.

b) Apabila berlaku kesilapan penentuan arah kiblat. Masjid baru hendaklah dibina dengan arah kiblat yang betul.

c) Apabila masjid sedia ada telah menjadi sempit dengan bertambahnya para jemaah. Dalam hal ini masjid itu sama ada diruntuhkan sebahagiannya atau seluruhnya untuk diperbesarkan bagi menampung para jemaah yang ada ketika itu.

d) Apabila masjid dibina di atas kubur dan kubur tersebut telah wujud sebelum masjid dibina di atasnya serta tidak diketahui sebelum itu.

(MAC 2009)

PERMOHONAN UNTUK MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA BANGUNAN MASJID JAMEK KOTA AUR, PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA(SPU)

Keputusan:

i. Mesyuarat bersetuju melulus dan membenarkan Masjid Jamek Kota Aur dirobohkan dan dibina semula di atas alasan-alasan berikut :-

a) Masjid sedia ada tidak dapat lagi menampung ahli jemaah untuk menunaikan solat dan perlu dirobohkan untuk tujuan pembesaran.

b) Laporan yang dikemukakan pihak JKR adalah satu alasan yang munasabah.

c) Peruntukan untuk pembinaan masjid baru telah ada.

ii. Masjid baru hendaklah dibina di atas tapak asal, di samping sebahagian tanah Lot 2654 yang telah dibuat pengambilan tanah oleh kerajaan Negeri pada 19 Julai 2006 lalu.

iii. Mesyuarat juga memutuskan pelan perancangan pembinaan masjid baru hendaklah dikemukakan kepada jawatankuasa ini terlebih dahulu bagi mendapat pandangan lanjut berkaitan pembinaan masjid baru kelak.

(MEI 2009)

PERMOHONAN UNTUK MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA BANGUNAN MASJID JAMEK LAHAR KEPAR, KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan:

- i. Mesyuarat bersetuju meluluskan Masjid Jamek Lahar Kepar dirobohkan dengan beberapa syarat seperti berikut : -
 - a) Pelan perancangan pembinaan masjid baru hendaklah dikemukakan kepada jawatankuasa ini terlebih dahulu bagi mendapat pandangan lanjut berkaitan pembinaan masjid baru.
 - b) Masjid baru perlu dibina dua tingkat dan jika dibina semula dengan keluasan yang sama jawatankuasa ini tidak membenarkan ia dirobohkan.
 - c) Pelan masjid baru hendaklah mengambil kira bertambahnya kapasiti para jemaah.
- ii. Keputusan-keputusan lain akan dibuat kemudian apabila pelan pembinaan masjid baru di kemukakan kepada jawatankuasa ini kelak.

(MEI 2009)

MEMOHON PENGIKTIRAFAN PERSATUAN SENI SILAT GAYUNG SINGA BERANTAI (PSSGSB)

Keputusan:

- i. Mesyuarat mencadangkan permohonan pengiktirafan PSSGSB ini dibawa kepada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.
- ii. Kertas kerja perlu dihantar terlebih dahulu kepada Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi penelitian Panel Kajian Akidah.
- iii. Keputusan ini dibuat kerana PSSGSB telah melibatkan banyak negeri di Malaysia terutamanya di sekolah-sekolah.

(MEI 2009)

CADANGAN MEMFATWAKAN AJARAN TOK HUSIN JANGGUT/ IIMU TAJALLI AHMAD LAKSAMANA SEBAGAI SALAH DAN SESAT SERTA MEWARTAKANNYA

Keputusan:

- i. Mesyuarat memutuskan bahawa Ajaran Tok Husin Janggut / ilmu Tajali Ahmad Laksamana adalah salah atau sesat.
- ii Tindakan susulan diserahkan kepada Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang setelah selesai proses pewartaan.

(JULAI 2009)

PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN STATUS FAEDAH PEROLEHAN HASIL WAKAF ATAS LOT 2614, MUKIM 12, SEBERANG PERAI UTARA.

Keputusan:

- i. MAINPP dan Jawatankuasa qariah masjid hendaklah mengadakan **perbincangan lanjut** bagi mendapatkan keputusan yang terbaik untuk manfaat semua pihak.
- ii. Kedua-dua pihak juga perlu membuat keputusan dengan **mengambil kira masalah yang lebih besar** bagi maksud **faedah hasil wakaf tersebut**.

(JULAI 2009)

PENGAMBILAN BALIK TANAH DI BAWAH AKTA PENGAMBILAN BALIK TANAH 1960 KE ATAS WAKAF DI LOT-LOT SEPERTI BERIKUT :-

- i. LOT 1712, MUKIM 1, SEBERANG PERAI UTARA
- ii. LOT 2602, MUKIM 2, SEBERANG PERAI UTARA
- iii. LOT 2941, MUKIM 2, SEBERANG PERAI UTARA
- iv. LOT 3699, MUKIM 3, SEBERANG PERAI UTARA
- v. LOT 2724, MUKIM 2, SEBERANG PERAI UTARA
- vi. LOT 2792, MUKIM 3, SEBERANG PERAI UTARA.

Keputusan:

i. Jawatankuasa Fatwa **memberi kelulusan** berkaitan tindakan pengambilan balik tanah di bawah Akta Pengambilan balik tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 ke atas tanah-tanah wakaf di lot-lot berkenaan bagi tujuan Projek Landasan Keretapi Berkembar Elektrik Ipoh – Padang Besar, demi **masalah am**.

(JULAI 2009)

STATUS WAKAF TANAH LOT 1065 MK.4 SEBERANG PERAI TENGAH

Keputusan:

i. Tanah tersebut adalah **Wakaf Am**.

ii. **MAINPP** adalah sebagai **pemegang amanah tunggal** terhadap tanah wakaf tersebut dan tidak boleh dipertikaikan oleh pewaris.

iii. Mengikut kaedah "Sad al Zaraie", MAINPP sebagai pemegang amanah, boleh **mencegah** daripada berlaku sebarang penyelewengan.

(JULAI 2009)

STATUS PEWAKAFAN TANAH LOT 1093 DAN 1094 MUKIM 12 DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG

Keputusan:

i. Keseluruhan lot-lot tanah berkaitan adalah sebagai **Wakaf**.

ii. MAINPP adalah sebagai **pemegang amanah tunggal** terhadap tanah wakaf tersebut dan tidak boleh dipertikaikan oleh pewaris.

(OKTOBER 2009)

CADANGAN PINDAAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN ISU PERTUKARAN AGAMA

Keputusan:

i. Kertas cadangan ini akan dibincangkan dengan lebih teliti di dalam satu mesyuarat khas yang akan diadakan pada 3 November 2009 dengan menjemput beberapa orang pakar undang-undang untuk memberi pandangan mereka bagi membantu jawatankuasa ini membuat keputusan.

(OKTOBER 2009)

CADANGAN UNTUK MEROBOH SURAU BAGAN LALANG, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan:

i. Mesyuarat bersetuju memberi kebenaran bagi meroboh Surau Bagan Lalang, Daerah Seberang Perai Utara yang terbiar dengan mengikut Garis Panduan Pelupusan Bahan Binaan Masjid dan Surau yang telah disediakan.

(OKTOBER 2009)

CADANGAN PEMBAHAGIAN PEROLEHAN WAKAF BAGI TUJUAN PENGEMBANGAN TUNTUTAN KEPERLUAN SEMASA

Keputusan:

i. Jawatankuasa Fatwa bersetuju dengan cadangan pembahagian perolehan wakaf mengikut pembahagian yang dicadangkan tertakluk kepada keperluan pengurusan dari semasa ke semasa.

(OKTOBER 2009)

CADANGAN MENGGUNAKAN WANG PAMPASAN PENGAMBILAN BALIK TANAH (ISTIBDAL) BAGI MEMBELI TANAH LOT 598 DAN 599, SEKSYEN 2 GEORGETOWN, DAERAH TIMUR LAUT UNTUK DIJADIKAN TAPAK TAMBAHAN PERKUBURAN ISLAM

Keputusan:

i. Mesyuarat bersetuju dan memberi kebenaran untuk melaksanakan istibdal tertakluk kepada syarat sebenar tanah wakaf yang hendak dijadikan istibdal tersebut.

ii. MAINPP perlu terlebih dahulu merujuk kepada syarat sebenar tanah wakaf berkaitan.

(OKTOBER 2009)

CADANGAN MEMFATWAKAN AJARAN TASLIM SEBAGAI SALAH/SESAT SERTA MEWARTAKANNYA

Keputusan:

- i. Mesyuarat memutuskan Ajaran Taslim adalah haram dan sesat.
- ii. Mesyuarat perlu dimaklumkan berkaitan sumber rujukan ciri-ciri tersebut sebelum diwartakan.

(OKTOBER 2009)

CADANGAN MEMFATWAKAN BUKU / RISALAH / KERTAS KERJA 'ULUL ALBAB' SEBAGAI SALAH / SESAT SERTA MEWARTAKANNYA

Keputusan:

- i. Buku / Risalah / Kertas Kerja 'Ulul Albab' adalah **salah atau sesat** serta bersetuju untuk diwartakan.
- ii. Tindakan susulan akan diserahkan kepada Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang untuk merampas buku tersebut setelah selesai proses pewartaan.

(OKTOBER 2009)

PENGAMBILAN BALIK TANAH DI BAWAH AKTA PENGAMBILAN BALIK TANAH 1960 KE ATAS WAKAF DI LOT-LOT SEPERTI BERIKUT :-

- i. LOT 1218, MUKIM 20, SEBERANG PERAI SELATAN.
- ii. LOT 1217, MUKIM 20, SEBERANG PERAI SELATAN.
- iii. LOT 350, MUKIM 20, SEBERANG PERAI SELATAN.
- iv. LOT 614, MUKIM 7, SEBERANG PERAI SELATAN.
- v. LOT 615, MUKIM 7, SEBERANG PERAI SELATAN.

Keputusan:

- i. Jawatankuasa Fatwa memberi kelulusan berkaitan tindakan pengambilan balik tanah dibawah Akta Pengambilan Tanah 1960 ke atas tanah-tanah wakaf di lot-lot berkenaan bagi tujuan Projek Landasan Keretapi Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar, demi masalah am.

(JULAI 2009)

ISU KELAHIRAN ANAK PRAMATANG

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju agar satu pertemuan lanjut dapat dibuat diantara pihak doktor pakar dengan Mufti Negeri Pulau Pinang bagi membincangkan perkara tersebut dengan teliti.

(MAC 2009)

HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA NEGERI PULAU PINANG 2010

HUKUM TRANSPLAN ORGAN DAN TISU

Keputusan:

- i. Mesyuarat **bersetuju** mewartakan Hukum Transplan Organ Dan Tisu dengan sedikit **penambahan** pada warta tersebut iaitu :-
 - a) Harus melakukan pemindahan organ dan tisu dari orang Islam kepada penerima bukan Islam dan sebaliknya.
 - b) Orang kafir harbi tidak diharuskan menerima organ dan tisu orang Islam.

(*MAC 2010*)

PERMOHONAN UNTUK MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA MASJID JAMEK LAHAR TABUT, PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan:

- i. Mesyuarat **bersetuju** memberi kebenaran untuk **meroboh dan membina semula** Masjid Jamek Lahar Tabut dengan syarat mengemukakan pelan perancangan pembinaan masjid baru kepada jawatankuasa ini terlebih dahulu bagi mendapat pandangan lanjut berkaitan pembinaan masjid baru kelak.
- ii. Memberi **kebenaran** untuk menunaikan Solat Jumaat dan Solat Fardhu **di tempat sementara** iaitu di Sekolah Agama Rakyat Lahar Tabut sehingga masjid baru siap dibina.
- iii. **Perpindahan 5 buah kubur lama tidak boleh** diputuskan lagi memandangkan pelan perancangan pembinaan masjid baru **tidak** disertakan dan dibentangkan di dalam mesyuarat ini.

(*MAC 2010*)

RAYUAN PERMOHONAN KEBENARAN BAGI MEMINDAH KUBUR LAMA ATAS LOT 994, MUKIM 11, DAERAH BARAT DAYA

Keputusan:

- i. **Meluluskan** pemindahan kubur lama atas Lot 994, Mukim 11, Daerah Barat Daya demi **masalah am**.
- ii. Kos pembiayaan bagi pemindahan kubur-kubur berkenaan hendaklah **ditanggung** oleh pemilik tanah tersebut.
- iii. Tanah bahagian Baitumal di atas Lot 994 tersebut, diserahkan kepada pihak MAINPP untuk membuat keputusan.
- iv. Keputusan fatwa ini adalah mengikut **kes tertentu sahaja** (*case by case*) dan perlu diberi **penjelasan** kepada masyarakat supaya tidak dieksploitasikan isu tersebut.

(MAC 2010)

PENGAMBILAN BALIK TANAH DI BAWAH AKTA PENGAMBILAN BALIK TANAH 1960 KE ATAS TANAH WAKAF DI LOT PT 106, MUKIM 15, SEBERANG PERAI SELATAN

Keputusan:

Jawatankuasa Fatwa memberi kelulusan berkaitan tindakan pengambilan balik tanah di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 ke atas tanah wakaf di Lot PT 106, Mukim 15, SPS bagi tujuan Projek Landasan Keretapi Berkembar Elektrik demi masalah am.

TEMPOH 'IDDAH BAGI PEREMPUAN YANG DIBUANG RAHIM

Keputusan:

Mesyuarat memutuskan bahawa perempuan yang dibuang rahimnya **ber'iddah selama 3 bulan** mengambil kira kaedah perempuan yang telah putus asa daripada kedatangan haid.

(MAC 2010)

SEMAKAN BUKU SUBHANA MAULID

Keputusan:

Mesyuarat memutuskan bahawa penggunaan buku Subhana Maulid adalah **dibolehkan** dan **tidak** terdapat sebarang percanggahan dari sudut hukum syara'.

(MAC 2010)

CADANGAN UNTUK MEMPERKEMBANGKAN SUMBANGAN SKIM DANA WAKAF PULAU PINANG MELALUI PELAN TAKAFUL WAKAF

Keputusan:

Oleh kerana kertas cadangan ini menyentuh **isu nasional**, mesyuarat mencadangkan isu ini dibawa kepada **Jabatan Kemajuan Islam Malaysia** untuk dikaji dan dibincangkan di dalam **Muzakarah Fatwa Kebangsaan**.

(APRIL 2010)

STATUS MASJID LAMA SUNGAI BATU, TELUK KUMBAR DI ATAS LOT 739, MUKIM 11, DAERAH BARAT DAYA

Keputusan:

i. Mesyuarat memutuskan masjid tersebut hendaklah **dibaik pulih semula** dan **dijaga** sebagai masjid yang telah **diwakafkan**.

(APRIL 2010)

KERTAS CADANGAN UNTUK MEMBINA SURAU 1 ½ TINGKAT BERSERTA JAMBATAN PENGHUBUNG BERHAMPIRAN LOT PT 370 HS (D) 1182 UNTUK TETUAN PENANG PORT SDN. BHD.

Keputusan:

i. Mesyuarat memberi kelulusan cadangan pembinaan surau 1 ½ tingkat tersebut, dengan syarat-syarat berikut :-

i.i **Tangga** untuk naik/turun ke/dari tingkat atas surau hendaklah berada

di dalam ruang solat supaya **tidak putus hubungan** di antara imam dan makmum yang berjemaah di tingkat atas.

i.ii Pihak arkitek perlu menyediakan **pelan baru** untuk dikemukakan kepada

S.S Datuk Mufti bagi memperakukan kedudukan tangga telah mengikut kehendak hukum syara'.

(APRIL 2010)

KERTAS CADANGAN UNTUK MELUPUSKAN BATU NISAN DAN KAEDAH PELUPUSAN.

Keputusan:

- i. Pejabat Agama Butterworth dan Jawatankuasa Qaryah masjid hendaklah membuat **iklan selama 3 bulan** di masjid Kubang Buaya dan di kawasan-kawasan yang bersesuaian di dalam qaryah berkenaan serta membuat **pengumuman pada hari Jumaat** sepanjang tempoh berkenaan bagi memaklumkan kepada anak qaryah/waris si mati bagi menuntut batu-batu nisan tersebut.

- ii. Jika **tiada tuntutan** daripada pihak waris-waris si mati, maka batu-batu nisan yang tercatat ayat-ayat al Quran hendaklah **dihapuskan dan ditanam melebihi 7 kaki** ke dalam tanah, di kawasan perkuburan berkenaan, manakala batu-batu nisan yang tiada ayat-ayat al Quran hendaklah dilupuskan dan ditanam bersama batu-batu nisan tersebut.

(APRIL 2010)

KERTAS CADANGAN MENGADAKAN PASAR ASNAF BAGI TUJUAN PROMOSI PRODUK USAHAWAN ASNAF ZAKAT DAN MENINGKATKAN PENDAPATAN ASNAF ZAKAT

Keputusan:

- i. PUZ perlu menyediakan garis panduan had kifayah dan memberi latihan yang menyeluruh kepada para peserta.

- ii. PUZ juga perlu memperluaskan kepada muallaf dan memastikan kategori yang betul bagi para pelajar.

(APRIL 2010)

ISU FATWA DAN WARTA – KALIMAH-KALIMAH SUCI YANG KHUSUS BAGI AGAMA ISLAM DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN AGAMA-AGAMA ISLAM

Keputusan:

- i. Mengekalkan Fatwa dan Warta Kalimah-Kalimah Suci Yang Khusus Bagi Agama Islam Dan Tidak Boleh Digunakan Agama-Agama Bukan Islam.

- ii. Keputusan ini akan dimaklumkan kepada Y.B Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang (EXCO), Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna.

(JUN 2010)

SEMAKAN RISALAH KORBAN AGONG

Keputusan:

Risalah Korban Agong **adalah salah dan sesat** serta bersetuju untuk diwartakan.

(JUN 2010)

KERTAS CADANGAN PERLANTIKAN HAKIM SYARIE WANITA : SATU KEPERLUAN SEMASA

Keputusan:

- i. Mesyuarat bersetuju untuk menolak cadangan perlantikan Hakim Syarie wanita kerana bukan dalam keadaan terdesak.
- ii. Mesyuarat menyarankan agar pihak JKSNPP merujuk Kitab Risalah Ahkam mengenai perlantikan hakim wanita sebagai rujukan yang lengkap.

(JUN 2010)

CADANGAN PENUBUHAN QARYAH BARU DI DAERAH SPU.

Keputusan:

- i. Mesyuarat bersetuju dengan penubuhan qaryah baru di Daerah Kepala Batas, SPU dengan syarat dikemukakan pelan persempadanan qaryah dalam mesyuarat yang akan datang.

(JUN 2010)

CADANGAN MEMFATWAKAN AMALAN PERBOMOCHAN PAK MUS DAN AMALAN-AMALAN PERBOMOCHAN LAIN YANG BERCANGGAH DENGAN AKIDAH ISLAMIAH SEBAGAI SALAH / SESAT SERTA MEWARTAKANNYA

Keputusan:

- i. **Siasatan lanjut** perlu dijalankan terutamanya mengenai latar belakang gurunya iaitu Kiai Haji Samsuri (pernah mengajar di Pokok Sena, Kedah).
- ii. Pak Mus perlu **dipanggil** untuk berbincang bagi **melengkapkan siasatan** berkaitan kes ini dan mengetahui dengan lebih mendalam kaedah perubatan yang dijalankan.
- iii. **Mewartakan Garis Panduan Perbomohan** yang telah dikeluarkan oleh JAKIM.

(SEPTEMBER 2010)

CADANGAN MEMFATWA BUKU FAHAMAN SYIAH BERTAJUK '14 MANUSIA SUCI' SEBAGAI SALAH ATAU SESAT SERTA MEWARTAKANNYA

Keputusan:

Mesyuarat memutuskan agar **dipanjangkan isu ini kepada pihak JAKIM** untuk diputuskan di dalam Muzakarah Fatwa Kebangsaan, kerana ia melibatkan **isu kebangsaan**.

(**SEPTEMBER 2010**)

MASALAH JUMLAH MAKMUM SOLAT MASJID ARA KUDA, BUTTERWORTH

Keputusan:

i. Menurut pandangan dhoif dalam Mazhab Syafie, **syarat 40 orang adalah kekal** tetapi tidak **disyaratkan** jemaah yang hadir adalah yang bermastautin sahaja. Oleh itu jemaah yang **bermukim** juga **diambil kira** dalam menentukan bilangan ahli Jumaat.

ii. Solat Jumaat pada 23 Julai 2010 yang lalu adalah **sah** mengikut hukum syarak kerana bilangan ahli Jumaat melebihi 40 orang termasuk mereka yang bermukim.

(**SEPTEMBER 2010**)

CADANGAN PENGAMBILAN TANAH MASJID NEGERI OLEH MAJLIS PERBANDARAN NEGERI PULAU PINANG (MPPP) BAGI TUJUAN MENAIKTARAF JALAN MASJID NEGERI PULAU PINANG

Keputusan:

i. Setiap tanah yang diperuntukkan atau digunakan sebagai masjid hendaklah digazet sebagai tanah wakaf sebagai syarat nyata untuk masa hadapan.

ii. Memberi kebenaran kepada pihak MPPP untuk menggunakan tanah masjid Negeri Pualu Pinang seluas 4 meter sahaja, untuk digunakan sebagai jalan raya. Tanah tersebut tidak diserahkan sebagai milik MAINPP kerana ia adalah tanah wakaf berdasarkan hukum syarak :-

ولا يبطل الوقف على كل حال بل يكون مستمر اعليه

Maksudnya : Dan tidak terbatal wakaf dalam apa keadaanjua sekali pun, bahkan ia tetap kekal sebagai wakaf....

(Hasyiah l'anah al Tolibin, al Syed al Bakri ibn al Syed Muhammad Syato al Dimyati, Jld. 3, Hal. 198, 1993M/1414H, Cet. Dar al Fikr, Beirut)

(**SEPTEMBER 2010**)

KERTAS CADANGAN PERMOHONAN BANTUAN MEMBELI TANAH DI LOT 148 MUKIM 9, DAERAH BARAT DAYA UNTUK DIWAKAFKAN KEPADA MASJID TELUK KUMBAR OLEH QARYAH MASJID TELUK KUMBAR, PULAU PINANG

Keputusan:

- i. Pihak PUZ dan MAINPP perlu mengadakan perbincangan dengan pihak Qaryah Masjid Teluk Kumbar untuk mendapatkan persetujuan sama ada:-
 - a. **berkongsi bahagian** di mana pihak qaryah sebanyak **10%** iaitu jumlah yang **telah dibayar** pihak qaryah kepada pemilik tanah sejumlah RM 37,000.00 dan pihak MAINPP sebanyak **90%** iaitu jumlah yang akan dibiayai oleh MAINPP, sebanyak RM 333,000.00 sebagai **wakaf am**. Jika mendapat sebarang **hasil** dari tanah tersebut kelak ia hendaklah **dibahagikan mengikut bahagian masing-masing** seperti yang telah dipersetujui. Pihak MAINPP dan qaryah perlu menyediakan surat **ikatan amanah** yang jelas berkaitan hak tersebut oleh MAINPP hendaklah melalui **dana wakaf** atau **dana istibdal** atau ;
 - b. pihak MAINPP boleh **memberi pinjaman** kepada pihak qaryah bagi melangsaikan baki bayaran harga tanah tersebut melalui **wang baitumal** atau ;
 - c. MAINPP boleh **memberi kesemua** tanah tersebut daripada pihak qaryah Masjid Teluk Kumbar dengan menggunakan wang **dana wakaf** maka jadilah ia **tanah wakaf am** atau wang baitumal maka jadilah **tanah baitumal**.

(SEPTEMBER 2010)

PERMOHONAN MENDAPATKAN PANDANGAN DAN HUKUM BERKAITAN ISU DOA KEPADA PEMERINTAH DAN NON-MUSLIM DALAM KHUTBAH JUMAAT

Keputusan:

- i. Pada **asasnya** doa kepada orang bukan islam untuk mendapat hidayah dan memohon kesihatan adalah **diharuskan**.
- ii. Mendoakan kepada orang bukan islam di dalam khutbah Jumaat tanpa mendoakan kepada pemimpin islam secara khusus boleh menimbulkan fitnah dan ia **tidak boleh sama sekali**. Kaedah Fiqh menyebutkan :-

درأالمفاسد مقدم على جلب المصالح.

Maksudnya : Menolak kemudaratan lebih diutamakan daripada menarik kemaslahatan.

(Al Qawaid al Fiqhiah, *Ali Ahmad An Nadwi*, Hal.207, Cet. Ketiga 1994, Dar al Qalam, Damsyik)

iii. **MAINPP** boleh mengeluarkan arahan kepada semua Jawatankuasa Qaryah supaya **tidak dibenar** meninggalkan doa kepada Yang di-Pertuan Agong dan T.Y.T Yang di-Pertua Negeri di dalam khutbah Jumaat.

(**SEPTEMBER 2010**)

PERMOHONAN UNTUK MEROBOH BANGUNAN MASJID LAMA RANTAU PANJANG, PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan:

i. **Harus** meroboh masjid lama Rantau Panjang, penaga, Seberang perai utara demi **mashlahah 'ammah**.

ii. **Perkakas atau bahan binaan** masjid, seperti kayu-kayu, besi-besi, dan batu-batu sekiranya **boleh digunakan** hendaklah **diserahkan** kepada masjid baru Rantau Panjang atau mana-mana masjid atau surau yang memerlukannya. Sekiranya **tidak ada**, maka bahan-bahan tersebut hendaklah **dijual** kepada sesiapa sahaja, asalkan sudah baligh dan berakal. Hasil jualan tersebut hendaklah digunakan untuk **pembangunan** masjid baru Rantau Panjang, apabila diperlukan. Sekiranya bahan-bahan tersebut **tidak boleh** digunakan lagi, maka boleh **ditimbus** atau dibiarkan pada kawasan masjid baru Rantau panjang dan tidak boleh dibakar, malah **dibiarkan reput** dengan sendiri mengikut kehendak semulajadi.

iii. **Wang** hasil jualan bahan-bahan lama tersebut jika ada, hendaklah **diserahkan** kepada **MAINPP** untuk kepentingan masjid baru Rantau Panjang dengan **niat wakaf**.

(**OKTOBER 2010**)

PERMOHONAN UNTUK MEROBOH BANGUNAN SURAU KAMPUNG BUKIT SEMENTUL, PINANG TUNGGAL, SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan:

i. **Harus** meroboh bangunan Surau kampung Bukit Sementul, Pinang Tunggal, Seberang Perai Utara demi **masalah 'ammah**.

ii. **Perkakas atau bahan binaan** surau, seperti kayu-kayu, besi-besi, dan batu-batu hendaklah digunakan untuk pembinaan surau yang baru, atau boleh **diserahkan** kepada mana-mana masjid atau surau yang memerlukannya. Sekiranya **tidak ada**, maka bahan-bahan tersebut hendaklah **dijual** kepada sesiapa saja, asalkan sudah baligh dan berakal. Hasil jualan tersebut hendaklah digunakan untuk **pembangunan** surau yang baru. Sekiranya bahan-bahan tersebut **tidak boleh** digunakan lagi, maka bolehlah **ditimbus** pada tapak

pembinaan yang baru dan bahan-bahan tersebut tidak boleh dibakar, malah **dibiarkan reput** dengan sendiri mengikut kehendak semulajadi.

lii. **Wang** hasil jualan bahan-bahan lama tersebut jika ada, hendaklah **diserahkan** kepada pihak **MAINPP** untuk kepentingan surau baru yang akan dibina dengan **niat wakaf**.

(OKTOBER 2010)

PERMOHONAN UNTUK MEROBOH BANGUNAN SURAU PINANG TUNGGAL TEPI SUNGAI, SEBERANG PERAI UTARA.

Keputusan:

i. **Harus** meroboh bangunan surau Pinang Tunggal Tepi Sungai, Seberang Perai Utara demi **masalah 'ammah**.

ii. **Perkakas atau bahan binaan** surau, seperti kayu-kayu, besi-besi, dan batu-batu hendaklah digunakan untuk **pembinaan** surau yang baru, atau boleh **diserahkan** kepada mana-mana masjid atau surau yang memerlukannya. Sekiranya **tidak ada**, maka bahan-bahan tersebut hendaklah dijual kepada sesipa sahaja, asalkan sudah baligh dan berakal. Hasil jualan tersebut hendaklah digunakan untuk **pembangunan** surau yang baru. Sekiranya bahan-bahan tersebut **tidak boleh** digunakan lagi, maka bolehlah **ditimbus** pada tapak pembinaan yang baru dan bahan-bahan tersebut tidak boleh dibakar, malah **dibiarkan reput** dengan sendiri mengikut kehendak semulajadi.

iii. **Wang** hasil jualan bahan-bahan lama tersebut jika ada, hendaklah **diserahkan** kepada pihak **MAINPP** untuk kepentingan surau baru yang akan dibina dengan niat **wakaf**.

(OKTOBER 2010)

PERMOHONAN UNTUK MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT (SEMENTARA) DI SURAU KOMPLEKS PENJARA SEBERANG PERAI, JALAN KERIAN KEDAH, SUNGAI JAWI, SEBERANG PERAI SELATAN

Keputusan :

Mesyuarat telah **bersetuju** untuk memberi kelulusan bagi mendirikan Solat Jumaat (Sementara) di Surau Kompleks Penjara Seberang Perai, Jalan Kerian Kedah, Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan.

(DISEMBER 2010)

CADANGAN PEMBINAAN 3 SURAU DI NEGERI PULAU PINANG MELALUI PERUNTUKAN TABUNG PENGECUALIAN PEMBINAAN SURAU DAN MASJID

Keputusan :

Mesyuarat **bersetuju** dengan cadangan pembinaan 3 buah surau di negeri Pulau Pinang melalui **Peruntukan Tabung Pengecualian Pembinaan Surau Dan Masjid** dengan **syarat** mengemukakan **pelan perancangan pembinaan** surau baru kepada Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang terlebih dahulu bagi mendapatkan pandangan lanjut berkaitan pembinaan surau baru kelak.

(DISEMBER 2010)

PERMOHONAN UNTUK TUJUAN MENGUBAH KUBUR DI ATAS LOT 537, SEKSYEN 2, BANDAR TANJUNG TOKONG, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

Keputusan :

Mesyuarat **menangguhkan** keputusan berkaitan permohonan ini kerana terdapat banyak **kesamaran dan keraguan** berkaitan status tanah berkenaan serta memutuskan seperti berikut:-

- i. Pegawai Tadbir Agama perlu menjalankan **siasatan lanjut** berkaitan status tanah berkenaan.
- ii. Merujuk dan mendapat nasihat daripada **pakar undang-undang** berkaitan dokumen-dokumen yang bersifat undang-undang.

(DISEMBER 2010)

PERMOHONAN UNTUK MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT (SEMENTARA) DI BANGUNAN SURAU SEKOLAH AGAMA RAKYAT MASJID TAMAN TUN SARDON / TAMAN BROWN, DAERAH TIMUR LAUT

Keputusan :

Mesyuarat **bersetuju** dan meluluskan permohonan untuk **mendirikan Solat Jumaat (Sementara)** di bangunan surau Sekolah Agama Taman Tun Sardon / Taman Brown, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

(DISEMBER 2010)

PERMOHONAN UNTUK PENGALIHAN KUBUR DI QARYAH MASJID JAMEK TASEK GELUGOR, KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan :

Mesyuarat **bersetuju** dan **meluluskan** permohonan untuk mengalihkan kubur di qaryah Masjid Jamek Tasek Gelugor, Kepala Batas, SPU kerana **masalah ammah**.

(DISEMBER 2010)

PERMOHONAN MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT (SEMENTARA) DI SURAU TAMAN SEPADU, TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA DAN PENETAPAN SEMULA ARAH KIBLAT

Keputusan :

Mesyuarat **bersetuju** dan **meluluskan** permohonan untuk mendirikan solat Jumaat (sementara) di Surau Taman Sepadu Tasek Gelugor, SPU dan membuat penetapan semula arah kiblat.

(DISEMBER 2010)

PERMOHONAN UNTUK MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT DI SURAU AL-MUTTAQIN BANDAR PUTRA BERTAM, KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan :

Mesyuarat **bersetuju** dan **meluluskan** Permohonan Untuk Mendirikan Solat Jumaat di Surau Al-Muttaqin Bandar Putra Bertam, Kepala Batas, SPU sehingga masjid baru siap dibina dan boleh digunakan.

(DISEMBER 2010)

**HIMPUNAN KEPUTUSAN FATWA
NEGERI PULAU PINANG 2009**

**CADANGAN PENUBUHAN QARYAH BARU PERMATANG MANGGIS, KEPALA BATAS,
SEBERANG PERAI UTARA**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju **menangguhkan** keputusan berkaitan Cadangan Penubuhan Qaryah Baru Permatang Manggis, Kepala Batas, SPU dan pihak Pejabat Agama Daerah SPU (Kepala Batas) perlu mengenalpasti **al had al fasil** (persempadanan) yang jelas dan mengemukakan **bilangan anak qaryah** berkenaan yang **layak** bagi menunaikan solat Jumaat untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang yang akan datang.

(FEBRUARI 2011)

**PERMHONAN UNTUK MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA BANGUNAN SURAU AN-
NUR, TAMAN SERI MENERONG, TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA**

Keputusan :

1. Mesyuarat **bersetuju** dengan Cadangan **Meroboh Dan Membina Semula** Bangunan Surau An-Nur, Taman Seri Menerong, Tasek Gelugor, SPU yang sedia ada dengan syarat Pejabat Agama Daerah perlu mengemukakan pelan pembinaan surau baru kepada Jabatan Mufti terlebih dahulu bagi mendapat pandangan lanjut berkaitan dengan pembinaan surau baru kelak.
2. Perkakas atau bahan binaan surau seperti kayu-kayu, besi-besi dan batu-batu sekiranya boleh digunakan hendaklah diserahkan kepada mana-mana masjid atau surau yang memerlukannya. Sekiranya tidak ada, bahan-bahan tersebut hendaklah dijual kepada sesiapa sahaja asalkan sudah baligh dan berakal. Hasil jualan tersebut hendaklah digunakan untuk pembangunan surau apabila diperlukan. Sekiranya bahan tersebut tidak boleh digunakan lagi, maka boleh ditimbus atau dibiarkan pada kawasan surau baru dan tidak boleh dibakar, malah dibiarkan reput dengan sendiri mengikut kehendak semulajadi.

(FEBRUARI 2011)

PERMOHONAN UNTUK MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA BANGUNAN DUA TINGKAT MASJID JAMEK TASEK JUNJONG, BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH

Keputusan :

1. Mesyuarat **bersetuju** dengan Cadangan Untuk **Meroboh Dan Membina Semula** Bangunan Dua Tingkat Masjid Jamek Tasek Junjong, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah **dengan syarat** tapak asal **dikekalkan** sebagai tapak masjid.
2. **Bersetuju** memberi kebenaran untuk menunaikan solat Jumaat sementara di Dewan Tabika Pasti Lot 42.
3. Perkakas atau bahan binaan surau seperti kayu-kayu, besi-besi dan batu-batu sekiranya boleh digunakan hendaklah diserahkan kepada mana-mana masjid atau surau yang memerlukannya. Sekiranya tidak ada, bahan-bahan tersebut hendaklah dijual kepada sesiapa sahaja asalkan sudah baligh dan berakal. Hasil jualan tersebut hendaklah digunakan untuk pembangunan surau apabila diperlukan. Sekiranya bahan tersebut tidak boleh digunakan lagi, maka boleh ditimbus atau dibiarkan pada kawasan surau baru dan tidak boleh dibakar, malah dibiarkan reput dengan sendiri mengikut kehendak semulajadi.

(FEBRUARI 2011)

PENGAMBILAN TANAH DI BAWAH AKTA PENGAMBILAN BALIK TANAH 1960 KE ATAS SEBAHAGIAN TANAH WAKAF LOT 580, MUKIM 14, SEBERANG PERAI SELATAN

Keputusan :

Mesyuarat **bersetuju** dengan Pengambilan Tanah Di Bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 Ke Atas Sebahagian Tanah Wakaf Lot 580, Mukim 14, Seberang Perai Selatan.

(FEBRUARI 2011)

STATUS TAPAK KUBUR ORANG ISLAM ATAS LOT 1164 & 1165, MUKIM 7 (KAMPUNG SUNGAI KECIL) SEBERANG PERAI SELATAN

Keputusan :

Mesyuarat **bersetuju** dan membenarkan bagi pemindahan tapak perkuburan Islam di atas Lot 1164 dan 1165, Mukim 7, Seberang Perai Selatan demi masalah ammah.

(FEBRUARI 2011)

CADANGAN UNTUK MEMBELI TANAH LOT 46, SEKSYEN 1 BUKIT MERTAJAM, SPT DENGAN MENGGUNAKAN WANG HASIL JUALAN TANAH WAKAF LOT 45, SEKSYEN 2, BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH

Keputusan :

Mesyuarat **bersetuju** dan membenarkan pihak MAINPP untuk membeli tanah di atas Lot 46, Seksyen 1 Bukit Mertajam (Jalan Berapit), SPT dengan menggunakan wang hasil jualan Lot 45, Seksyen 2, Bukit Mertajam (Jalan Berapit) SPT menggunakan kaedah :-

الإستبدال بما هو خير

(*FEBRUARI 2011*)

KERTAS CADANGAN PENUBUHAN QARYAH BARU, DAERAH BARAT DAYA

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju mengenai Cadangan Penubuhan Qaryah Baru Daerah Barat Daya dan mengadakan solat Jumaat di Masjid Simpang Empat, Balik Pulau dengan syarat pihak Pejabat Agama Daerah Barat Daya perlu mendapatkan *al had al fasil* (persempadanan) yang jelas serta mengemukakan secara terperinci **bilangan anak qaryah** berkenaan yang **layak** bagi menunaikan solat Jumaat di kedua-dua masjid berkenaan untuk dikemukakan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang yang akan datang.

(*FEBRUARI 2011*)

STATUS TAPAK PERKUBURAN ATAS LOT 1621, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA

Keputusan :

1. Mesyuarat bersetuju **menangguhkan** pemindahan 2 buah tapak perkuburan Di Atas Lot 1621, Mukim 12, Daerah Barat Daya ke tanah perkuburan awam di Masjid Sungai Nibong Besar.
2. **Siasatan lanjut** perlu dijalankan dengan lebih terperinci mengenai kedudukan kubur dan kewujudan geran pertama, sama ada wujud terlebih dahulu dari wujud geran pertama atau sebaliknya untuk dikemuka dan dibincangkan dalam mesyuarat akan datang.

(*APRIL 2011*)

STATUS TAPAK PERKUBURAN ORANG ISLAM ATAS LOT 1164 & 1165, MUKIM 7, KAMPUNG SUNGAI KECIL, SEBERANG PERAI SELATAN

Keputusan :

Mesyuarat **bersetuju** dan membenarkan bagi pemindahan tapak perkuburan Islam atas Lot 1164 & 1165, Mukim 7, Seberang Perai Selatan demi masalah ammah dengan syarat pihak MAINPP perlu berbincang dengan Jabatan Arkeologi, USM bagi menentukan bilangan kubur yang terdapat di situ.

(APRIL 2011)

CADANGAN UNTUK MEMBELI TANAH LOT 46, SEKSYEN 1 BUKIT MERTAJAM, SPT DENGAN MENGGUNAKAN WANG HASIL JUALAN TANAH WAKAF LOT 45, SEKSYEN 2, BUKIT MERTAJAM

Keputusan :

Mesyuarat **bersetuju** untuk **menolak** cadangan dan tidak membenarkan pihak MAINPP untuk membeli tanah di atas lot 46, Seksyen 1 Bukit Mertajam (Jalan Berapit), SPT dengan menggunakan wang hasil jualan Lot 45, Seksyen 2, Bukit Mertajam (Jalan Berapit) SPT kerana hasrat pewakaf atas Lot 45 hanya untuk tujuan **perkuburan sahaja** dan bukan dijadikan sekolah agama berdasarkan kaedah :-

شرط الواقف كنص الشارع

PERMOHONAN MENUKAR SYARAT TANAH WAKAF DI ATAS LOT 1575, MUKIM 15, SEBERANG PERAI TENGAH

Keputusan :

Mesyuarat **bersetuju** untuk **menolak** permohonan menukar syarat Tanah Wakaf Di Atas Lot 1575, Mukim 15, Seberang Perai Tengah kerana tanah tersebut telah diwakafkan untuk tujuan **perkuburan sahaja**.

(APRIL 2011)

PERMOHONAN UNTUK MEROBOH MASJID DAN MEMBINA BANGUNAN SEKOLAH DI ATAS TAPAK MASJID SIMPANG AMPAT ATAS LOT 580, MUKIM 14, SEBERANG PERAI SELATAN DENGAN MENGGUNAKAN WANG PAMPASAN PENGAMBILAN

Keputusan :

Mesyuarat **bersetuju** dengan Cadangan Untuk Meroboh Masjid Dan Membina Bangunan Sekolah Di Atas Tapak Masjid Simpang Ampat Atas Lot 580, Mukim14, SPS dengan menggunakan wang pampasan pengambilan untuk aktiviti keagamaan **dengan syarat** mengekalkan status masjid demi menjaga kehormatan masjid.

(APRIL 2011)

PERMOHONAN PEMINDAHAN KUBUR LAMA ATAS LOT 1870, MUKIM 11, SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan :

Mesyuarat memutuskan untuk **menolak** Permohonan Pemindahan Kubur Lama Atas Lot 1870, Mukim 11 , Seberang Perai Utara kerana geran lama telah mencatatkan status “**Mohd Burial Ground**” yang telah diwartakan sebagai **tanah wakaf perkuburan**.

(APRIL 2011)

PERMOHONAN PEMINDAHAN KUBUR LAMA ATAS LOT 2792, MUKIM 3, SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan :

Mesyuarat telah memutuskan seperti berikut :-

- i. **Bersetuju** dan **membenarkan** bagi pemindahan kubur lama atas lot 2792, Mukim 3, Seberang Perai Utara.
- ii. Pemindahan kubur dari tempat tersebut diserahkan kepada **Jabatan Pengairan Dan Saliran** untuk tindakan lanjut.
- iii. Oleh kerana kubur tersebut bukan kubur orang islam, tujuan pemindahan ialah sebagai **menghormati mayat** sesama manusia.

(APRIL 2011)

**CADANGAN MEMBELI TANAH ATAS LOT 1177, MUKIM 7, SEBERANG PERAI UTARA
DENGAN MENGGUNAKAN WANG PAMPASAN (ISTIBDAL)**

Keputusan :

Mesyuarat **bersetuju** dan **membenarkan** dengan Cadangan Membeli Tanah Atas Lot 1177, Mukim 7, SPU Dengan Menggunakan Peruntukan Pampasan (Istibdal)

(APRIL 2011)

**CADANGAN MEMBELI TANAH ATAS LOT 2393, MUKIM 2, SEBERANG PERAI UTARA
DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKKAN PAMPASAN (ISTIBDAL)**

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju dan membenarkan Cadangan Membeli Tanah Atas Lot 2393, Mukim 2, SPU dengan menggunakan peruntukkan pampasan (Istibdal).

(APRIL 2011)

**PERMOHONAN MEMBINA STESYEN MINYAK ATAS LOT 694, MUKIM 4, SEBERANG
PERAI UTARA**

Keputusan :

Mesyuarat **tidak bersetuju** dan **tidak membenarkan** Cadangan Membeli Tanah Atas Lot 694, Mukim 4, SPU untuk dijadikan sebagai stesen minyak.

(APRIL 2011)

**PERMOHONAN MEMBINA RUMAH KAKITANGAN ATAS TANAH WAKAF LOT 216,
MUKIM B (SUNGAI RUSA), DAERAH BARAT DAYA**

Keputusan :

Mesyuarat **menolak** Permohonan Membina Rumah Kakitangan Di Atas Tanah Wakaf Lot 216, Mukim B (Sungai Rusa), Daerah Barat Daya kerana **hasrat pewakaf** adalah untuk **membina surau**.

(JUN 2011)

PERMOHONAN UNTUK MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT (SEMENTARA) DI BANGUNAN SURAU JABATAN LAUT, SUNGAI GELUGOR, DAERAH TIMUR LAUT

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju **meluluskan** permohonan untuk mendirikan solat Jumaat (sementara) di bangunan surau Jabatan Laut, Sungai Gelugor, Daerah Timur Laut **dengan syarat** Jawatankuasa Masjid perlu mengadakan perbincangan dengan pihak Jabatan Laut bagi **mendapat kebenaran** untuk menggunakan bangunan Surau Jabatan Laut sebagai tempat sementara untuk mendirikan solat Jumaat.

(JUN 2011)

PERMOHONAN UNTUK MENGUBAH KUBUR DI TAPAK MASJID JAMEK SUNGAI GELUGOR, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju **meluluskan** permohonan untuk mengubah kubur di bahagian belakang Masjid Jamek Sungai Gelugor, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang ke kawasan perkuburan awam masjid tersebut demi **masalah ammah** iaitu melibatkan pembesaran masjid.

(JUN 2011)

PERMOHONAN UNTUK MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT (SEMENTARA) DI SURAU AL-GHAZALI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS TUANKU BAINUN, BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju **meluluskan** permohonan untuk mendirikan solat Jumaat (sementara) di Surau Al-Ghazali Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah **dengan syarat** Pegawai Tadbir Agama Perlu mengadakan pemantauan dari semasa ke semasa.

(JUN 2011)

KAJIAN SEMULA SOLAT JUMAAT SEMENTARA DI PUSAT SERENTI BUKIT MERTAJAM (KLINIK CURE & CARE 1 MALAYSIA BUKIT MERTAJAM)

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju untuk **tidak membenarkan** solat Jumaat sementara dilaksanakan di Pusat Serenti Bukit Mertajam (Klinik Cure & Care 1 Malaysia Bukit Mertajam) kerana **tidak mencukupi syarat** untuk menunaikan solat Jumaat dengan alasan seperti berikut :-

- i. Berdasarkan sistem baru tempoh tahanan adalah **terlalu singkat** iaitu maksimum 3 bulan dan tiada tempoh minimum.
- ii. Jumlah penghuninya yang **tidak menentu** yang akan sentiasa bertambah dan berkurangan dari semasa ke semasa.

(OGOS 2011)

PERMOHONAN UNTUK MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT BERASINGAN ANTARA MASJID KAPITAN KELING DAN MASJID MELAYU LEBUH ACHEH, DAERAH TIMUR LAUT

Keputusan :

1. Mesyuarat **tidak bersetuju** untuk memberi kebenaran bagi mengadakan solat Jumaat secara berasingan antara Masjid Kapitan Keling dengan Masjid Melayu Lebuh Aceh kerana tiada bukti yang menunjukkan kehadiran jemaah yang melimpah di kedua-dua masjid berkenaan.
2. Walaupun begitu pihak urusetia akan mengadakan **pemantauan** di kedua-dua masjid berkenaan setiap minggu selama dua bulan.

(SEPTEMBER 2011)

KERTAS CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA MASJID JAMEK BATU MAUNG, DAERAH BARAT DAYA

Keputusan :

1. Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan cadangan rekabentuk dan pelan pembangunan semula Masjid Batu Maung yang telah dikemukakan serta telah mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh hukum Syara'.

2. Pihak Jawatankuasa Masjid perlulah memaklumkan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang terlebih dahulu sebelum masjid tersebut dirobohkan dengan syarat wang yang diperlukan untuk membina masjid baru telah mencukupi.

(*SEPTEMBER 2011*)

PERMOHONAN MEMINDAH TAPAK PERKUBURAN ISLAM ATAS LOT 236, MUKIM 11, SEBERANG PERAI TENGAH

Keputusan :

1. Mesyuarat bersetuju untuk membenarkan pemindahan tapak perkuburan Islam atas Lot 236, Mukim 11, Seberang Perai Tengah demi masalah amah dengan syarat seperti berikut :-
 - i. Tapak perkuburan tersebut hendaklah dipindahkan ke Masjid Qaryah Balik Bukit.
 - ii. Menguar-uarkan melalui masjid yang berhampiran sebanyak tiga kali untuk mencari waris.

(*SEPTEMBER 2011*)

STATUS WAKAF LOT 615, 619 DAN 614 MUKIM 9, SEBERANG PERAI TENGAH

Keputusan :

Mesyuarat bersetuju untuk **mengekalkan** keputusan asal Mesyuarat Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang rujukan (65) JAIPP/Mft/95 bertarikh 29 Julai 1995 yang menjelaskan lot-lot tanah terlibat adalah **wakaf**.

(*SEPTEMBER 2011*)

PERMOHONAN UNTUK MENYATAKAN HUKUM DAN PANDANGAN BERKAITAN MASJID PELANCONGAN

Keputusan :

1. Mesyuarat **bersetuju** menggunakan Hukum Pelancong Bukan Islam Memasuki Masjid Dan Ruang Solat Utama Di Dalam Masjid iaitu “ bahawa pelancong bukan Islam diharuskan memasuki masjid dan ruang solat dengan syarat mendapat keizinan pihak pengurusan masjid dan perlakuan serta tingkah laku mereka tidak mencemarkan kesucian masjid dan sentiasa terkawal dan beradab ”.

2. Bersetuju menggunakan Garis Panduan Pelancongan Dan Lawatan Ke Masjid yang telah disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

(*SEPTEMBER 2011*)

FATWA MENGENAI KUMPULAN BLACK METAL

Keputusan :

Mesyuarat telah memutuskan bahawa amalan dan perbuatan Kumpulan Black Metal adalah **sesat dan bercanggah** dengan ajaran Islam serta akan mewartakannya di Negeri Pulau Pinang, demi menjaga kesucian akidah umat Islam di Negeri Pulau Pinang dan kemaslahatan ummah sejagat.

(*SEPTEMBER 2011*)